Pada 2013, sebanyak 24 OBA bernaung di bawah Jabatan Bisnes Amal JCorp yang dibahagikan mengikut bidang iaitu kategori pembangunan sosial dan kebajikan awam, kategori pembangunan usahawan, kategori sukan dan rekreasi serta kategori kebajikan anggota pekerja.

Beberapa projek kemasyarakatan telah dilaksanakan bagi merapatkan hubungan antara JCorp dengan masyarakat seperti penganjuran Kejohanan Perahu Layar dan Karnival Tanjung Leman, Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil, gotong-royong serta bantuan kepada mangsa bencana banjir dan kebakaran.

Antara program kemasyarakatan JCorp ialah Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil yang turut dihadiri YAB Tan Sri Haji Muhyiddin Bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri di Masjid Jamek Kampung Jorak, Bukit Pasir, Muar.



Selain itu, JCorp menyalurkan dana berjumlah RM100,000 kepada Tabung Bantuan Banjir Negeri Johor bagi meringankan beban mangsa banjir di Johor. Anggota Briged Waqaf, satu daripada OBA yang bernaung di bawah Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) juga turun padang membantu anggota pekerja dalam Kumpulan yang terlibat dengan banjir termasuk 219 anggota pekerja KPJ Kuantan dan KFC di Pahang.

KULIM WILDLIFE DEFENDERS (KWD)

JCorp turut terlibat dengan program pemuliharaan hidupan liar dan alam sekitar di Johor melalui Kulim Malaysia Berhad yang menubuhkan Kulim Wildlife Defenders (KWD) pada 2009. KWD menjalankan pelbagai program kesedaran selain turut serta melaksanakan projek *Tiger Forever* bersama Wildlife Conservation Society (WCS) dan Perbadanan Taman Negara Johor (JNPC).

KWD juga berperanan membantu *Johor Wildlife Conservation Project (JWCP)* sejak 2009 dengan menggembelng tenaga menyertai rondaan dan sekatan jalan raya bulanan bersama Kerajaan Negeri Johor, Perbadanan Taman Negara Johor, Jabatan Perhilitan Johor, Jabatan Perhutanan Johor, Polis Diraja Malaysia, Kulim, WCS, Panthera dan US Fish & Wildlife dalam mengawal serta memulihara flora dan fauna di sepanjang sempadan hutan Johor daripada sebarang pencerobohan mahupun kegiatan pemburuan haram.

Pada 2013, JCorp dan Kulim terpenggil menganjurkan program *Raja Zarith Sofiah Wildlife Defenders Challenge 2013* atas inisiatif dan sokongan padu DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah terhadap usaha pemuliharaan hidupan liar terutama di Johor yang disertai 10 sekolah rendah, 10 sekolah menengah dan 10 institusi pengajian tinggi di negeri ini.

WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD (WANCORP)

WANCorp adalah sebuah syarikat berhad dengan jaminan ditubuhkan untuk mengurus aset dan saham syarikat dalam Kumpulan JCorp yang diwaqafkan.

WANCorp berperanan sebagai *Maukuf Alaihi* saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat yang diwaqafkan secara keseluruhan.

WANCorp melaksanakan pelbagai inisiatif CR bagi pihak JCorp iaitu Hospital Waqaf An-Nur dan rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), Waqaf Dana Niaga, Briged Waqaf, Pusat Waqaf Komuniti dan sumbangan kepada masyarakat melalui pengagihan kebajikan am.

WAQAF DANA NIAGA

Waqaf Dana Niaga merupakan satu inisiatif bagi memberi modal tanpa faedah kepada usahawan kecil yang mahu memulakan bisnes atau mengembangkan bisnes sedia ada. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan syiar Islam melalui bisnes dan menggerakkan ekonomi umat Islam serta memberi manfaat kepada semua usahawan Muslim yang memerlukan.

Seramai 279 peserta menerima bantuan berjumlah RM489,800. Antara jenis perniagaan yang mereka usahakan ialah jualan makanan dan minuman, kedai jahit dan runcit, produk kecantikan, kerja kimpalan serta bengkel membaiki kenderaan.

Sumbangan kebajikan WANCorp sedikit sebanyak memberi manfaat kepada masyarakat dan organisasi contohnya kebajikan pesakit, mengimarahkan masjid, persatuan kebajikan dan anak yatim/fakir miskin serta lain-lain pelaksanaan program CR. Sumbangan juga diberi kepada pelajar dan usahawan yang memerlukan selain untuk meningkatkan kegiatan dakwah.



RANGKAIAN MASJID AN-NUR

JCorp melalui WANCorp menguruskan lima buah Masjid An-Nur. Tiga daripadanya terletak di kompleks perniagaan iaitu Masjid An-Nur Kotaraya, Masjid An-Nur Larkin Sentral dan Masjid An-Nur Pasir Gudang. Manakala dua lagi adalah masjid kariah iaitu Masjid An-Nur Bandar Pasir Gudang dan Masjid An-Nur Taman Cendana.

Rangkaian Masjid An-Nur diuruskan dengan sokongan ahli jawatankuasa masjid dari kalangan anggota pekerja JCorp dan ahli kariah. Rangkaian masjid ini secara asasnya beroperasi dengan dana sendiri hasil Tabung Kemakmuran yang disumbang ahli kariah dan juga suntikan peruntukan daripada WANCorp. Bermula tahun 2013 masjid mula melaksanakan program pemantapan dari segi pengurusannya supaya lebih bersifat *self-sufficient*.

Program Tafaqqh An-Nur diperkenalkan sebagai platform yang mempromosikan majlis zikir dan pembelajaran ilmu di Rangkaian Masjid An-Nur. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh anggota pekerja masjid sebagai satu khidmat sosial melalui dakwah. Setakat ini program di bawahnya yang telah bermula adalah Bacaan Ratib Al-Attas & Asma Ul-Husna, Alunan Zikir & Qasidah, Hafazan Al-Quran, Riwayat Sahabat Rasulullah dan Kuliah Zuhur. Selain itu, masjid juga menganjurkan kelas pengajian seperti kuliah Maghrib serta program sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul dan sebagainya.

HOSPITAL WAQAF AN-NUR DAN RANGKAIAN KLINIK WAQAF AN-NUR

JCorp menerusi WANCorp dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan sokongan KPJ Healthcare Berhad telah membangunkan dan menguruskan 19 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) selain sebuah Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang (HWAN) berteraskan kebajikan dengan mengadaptasikan konsep waqaf.



Matlamat utama penubuhan KWAN dan HWAN itu ialah untuk memberi kemudahan rawatan kesihatan dan dialisis kepada masyarakat umum khususnya golongan kurang berkemampuan tanpa mengira bangsa dan agama.

Selain di Johor, KWAN dibina di Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Sarawak dan Pulau Pinang yang dibangunkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri berkenaan.

Mulai Oktober 2011, KWAN Kotaraya ditutup sementara bagi kerja pengubahsuaian Kompleks Plaza Kotaraya (kini dikenali sebagai Galleria@Kotaraya) dan pesakit yang menerima rawatan dialisis di situ dipindahkan ke Pusat Dialisis Pasir Gudang.

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 961,148 rawatan telah diberikan kepada pesakit di rangkaian KWAN dan daripada jumlah tersebut, 69,690 atau 7 peratus adalah jumlah rawatan yang diberikan kepada pesakit bukan Islam. Jumlah keseluruhan pesakit buah pinggang yang menerima rawatan dialisis di HWAN dan lima KWAN kini 112 orang.

HWAN dan rangkaian KWAN bukan hanya menyediakan rawatan kesihatan pada caj nominal sebanyak RM5 termasuk ubat-ubatan, malahan menawarkan rawatan dialisis dengan harga subsidi kepada



pesakit memerlukan. Pesakit juga menerima bantuan daripada Baitulmal, PERKESO dan pelbagai agensi kebajikan lain yang membolehkan mereka menerima rawatan secara percuma.

Tahun 2013 menyaksikan majlis perasmian KWAN Taman Bukit Tiram yang disempurnakan YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor pada 14 Disember 2013. Bersempena dengan perasmian tersebut, WANCorp menyumbang RM259,000 bagi tujuan pembelian tujuh mesin dialisis yang mana tiga unit daripadanya ditempatkan di Pusat dialisis KWAN Bukit Tiram dan empat unit lagi di HWAN Pasir Gudang.

Beberapa KWAN baharu yang dirancang pembinaannya sedang diusahakan pada 2014. Antara lokasi yang dikenalpasti ialah di Pelabuhan Klang, Kajang dan Batu Caves di Selangor, Rembau (Negeri Sembilan), Pengkalan Pegoh (Perak), Seberang Jaya (Pulau Pinang) dan Tumpat (Kelantan).

BRIGED WAQAF

Briged Waqaf turut mengharumkan nama JCorp apabila muncul Johan Kontinjen Perbarisan Kategori Swasta, NGO dan Jawatankuasa Penyelarasan Mukim-Mukim (JPMM) ketika mewakili JCorp pada Sambutan Hari Kemerdekaan ke-56 Peringkat Daerah Johor Bahru di Dataran Bandaraya Johor Bahru pada 31 Ogos 2013.

Ahli Briged Waqaf juga mewakili JCorp dalam Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Johor di Segamat pada 24 Januari 2013 dan sekali lagi dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan Peringkat Negeri.

Sebagai tanda simpati terhadap mangsa yang terjejas akibat peristiwa pencerobohan Lahad Datu, Briged Waqaf menghantar anggotanya untuk bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Johor dan Gabungan Melayu Johor pada 20 hingga 22 Mac 2013 bagi menghantar sumbangan. Selain wang tunai, JCorp melalui Briged Waqaf turut menyampaikan sumbangan 22 kotak pakaian dewasa dan kanak-kanak untuk diagihkan kepada penduduk terlibat.

PUSAT WAQAF KOMUNITI

JCorp melalui WANCorp melaksanakan inisiatif ini dengan meletakkan sekumpulan peniaga kecil dalam sebuah bangunan untuk menjalankan perniagaan secara kumpulan. Premis dan pembiayaan peralatan di samping sokongan bantuan latihan dan khidmat nasihat turut diberikan oleh WANCorp.

Program ini bertujuan membangunkan sosio-ekonomi terutama kalangan ibu tunggal yang mempunyai kemahiran dalam bidang jahitan. Ketika ini seramai 10 peserta menyertai program yang julung kalinya dilaksanakan.

TABUNG TIJARAH RAMADAN-YAYASAN JOHOR CORPORATION

Program Tijarah Ramadan juga memberi peluang kepada syarikat sama ada dalam Kumpulan JCorp mahupun syarikat luar dan orang ramai untuk bermalam. Sejak dilancarkan pada 2005 sehingga Disember 2013, sejumlah RM2,557,905 telah dikumpulkan menerusi Tabung Tijarah Ramadhan (TTR) hasil sumbangan badan korporat dan orang awam dari seluruh Malaysia selain Singapura dan Brunei. Bagi tempoh 2013, Tabung Tijarah Ramadan menerima sumbangan sebanyak RM319,053.

Daripada jumlah itu, TTR telah menyalurkan RM2,495,289 kepada golongan yang memerlukan dari seluruh negara. Bagi tempoh Januari-Disember 2013, sebanyak RM273,685 telah disumbangkan oleh TTR bagi tujuan tersebut.

Sempena sesi persekolahan 2014, TTR bersama WANCorp turut menyumbang alat tulis, beg sekolah dan wang persekolahan kepada murid dari sekolah terpilih di seluruh Johor. Sebanyak 1,500 unit beg sekolah telah diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Johor untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan.

Seramai 13,621 orang termasuk badan yang memerlukan menerima manfaat daripada TTR dari seluruh Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

PERSATUAN KELUARGA JOHOR CORPORATION (PKP INDUK) DAN PERSATUAN REKREASI KELUARGA PERBADANAN JOHOR (PKP PERBADANAN JOHOR)

PKP Induk adalah badan yang memainkan peranan penting dalam menyatupadukan dan menyelaraskan semua persatuan anggota pekerja syarikat dalam Kumpulan JCorp.

Karnival Sukan Tertutup Johor Corporation 2013 adalah antara aktiviti yang dijalankan oleh PKP Induk. Pelbagai acara dipertandingkan seperti karom, badminton, futsal, paintball dan bola jaring. Selain itu, PKP Induk amat aktif menyelaraskan penyertaan sukan di peringkat luaran termasuk anjuran GEMAPUTRA, ADFIM dan Persatuan Badan Berkanun.

PKP Perbadanan Johor pula merupakan persatuan anggota pekerja di peringkat ibu pejabat. Kedua-dua persatuan ini bergiat aktif menganjurkan aktiviti sesama ahli terutama sukan dan riadah selain menganjurkan ibadah qurban melalui potongan gaji, sumbangan kepada anak-anak ahli yang cemerlang, agihan bubur lambuk amal, sambutan Aidilfitri serta kuiz dan motivasi interaktif secara *online*.

MUTIARA JOHOR CORPORATION

Mutiara Johor Corporation yang dipengerusikan oleh Ydh Datin Noor Laila Yahaya adalah sebuah persatuan wanita yang dianggotai oleh anggota pekerja wanita dan isteri anggota pekerja JCorp. OBA ini ditubuhkan dengan tujuan memelihara kebajikan ahli serta mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat melalui aktiviti berfaedah.

Bagi membolehkan Mutiara Johor Corporation membantu golongan memerlukan dan melaksanakan kerja-kerja amal, persatuan telah menganjurkan acara Jalan Kaki Amal bertemakan *Walk For The Better Tomorrow* bagi mengumpul dana untuk membiayai pelbagai program kebajikan dan kemasyarakatan.

Pelbagai aktiviti keagamaan, sosial, pendidikan, kebajikan dan sukan dianjurkan Mutiara Johor Corporation termasuk menziarahi rumah anak-anak yatim, Majlis Ratib Asma UI-Husna, Bacaan Yassin, Majlis Berbuka Puasa dan Lawatan Ilmu ke Rumah Penjagaan Warga Emas Jeta Garden di Brisbane, Australia.

PROGRAM KEUSAHAWANAN BISTARI DAN PROJEK TUISYEN BISTARI

Penglibatan JCorp dalam program keusahawanan bermula pada 1992 dengan pelancaran program Tunas BISTARI, program keusahawanan kepada pelajar sekolah menengah seluruh Johor dan kemudian diikuti dengan program Siswa BISTARI, program keusahawanan untuk pelajar di Institusi Pengajian Tinggi pada 2004. Setelah menjayakan kedua-dua program tersebut, JCorp meneruskan program keusahawanan kepada murid sekolah rendah di Negeri Johor dengan pelancaran Program Didik BISTARI pada 2005 yang turut mendapat sokongan Jabatan Pendidikan Johor.

Sehingga 2013, seramai 18,628 pelajar dan 174 sekolah terlibat dengan program ini. Bagi Program Didik BISTARI, 135 sekolah rendah mengikuti program ini dengan penglibatan seramai 7,410 murid.



Penerapan aspek keusahawanan JCorp tidak terhad kepada pelajar sekolah, malah dikembangkan ke institusi pengajian tinggi melalui program Siswa BISTARI. Sejak dilancarkan sehingga kini, 26 syarikat Siswa BISTARI telah ditubuhkan di UiTM Segamat, UiTM Shah Alam dan Politeknik Merlimau dengan penglibatan seramai 1,000 pelajar. Program ini juga melibatkan penglibatan mentor di kalangan eksekutif JCorp dan usahawan sebagai penasihat kepada peserta.

Lanjutan daripada penganjuran Karnival BISTARI 2012, permainan CATUR dan Cilik BISTARI telah diperkenalkan di Zon Tengah yang meliputi empat negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya bermula Mei 2013.

PERSATUAN PELAYARAN JOHOR DAN PERSATUAN PELAYARAN MALAYSIA

JCorp turut mempelopori bidang sukan pelayaran dengan penglibatannya dalam Persatuan Pelayaran Johor dan Persatuan Pelayaran Malaysia. Kedua-dua persatuan ini diterajui oleh YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif JCorp selaku Presiden kedua-dua persatuan berkenaan. Kedua-dua OBA ini bergiat aktif menggalakkan dan membangunkan sukan perahu layar Malaysia di peringkat antarabangsa apabila ada pelayarnya turut mencipta kejayaan cemerlang di peringkat dunia.

Sementara itu, Kejohanan Perahu Layar KFC-FELDA Terbuka Johor 2013 juga telah berlangsung di Pantai Tanjung Leman, Mersing pada 5 hingga 7 Julai 2013. Acara ini secara tidak langsung membantu mempromosikan Tanjung Leman sebagai



pusat peranginan dan destinasi pelancongan menarik di negeri Johor selain selari dengan matlamat utama kedua-dua persatuan untuk membangun dan memperkenalkan perahu layar kepada anak muda negara khususnya mendekatkan anak Felda dengan sukan ini.

Persatuan Pelayaran Malaysia juga telah menghantar pelayar mewakili Malaysia ke Sukan SEA Ke-27 di Myanmar pada 12 hingga 20 Disember 2013 yang menyaksikan pasukan perahu layar negara berjaya meraih tiga pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa iaitu kejayaan terbaik negara setakat ini dalam sukan perahu layar.

PERSATUAN MENEMBAK CLAY TARGET JOHOR

Persatuan Menembak Clay Target Johor (JCTSA) ditubuhkan pada 1997 dan merupakan persatuan yang bergerak di bawah naungan Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia (NSAM).

Setiap tahun, persatuan ini tidak ketinggalan menganjurkan Pertandingan Menembak Piala Sultan Iskandar (kini dikenali sebagai *Iskandar Shoot*), dengan kerjasama Persatuan dan Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ). Pertandingan ini turut mendapat sokongan Kerajaan Negeri apabila ia dimasukkan dalam Kalendar Pelancongan Negeri Johor.

Pada 2013, lebih 200 penembak mengambil bahagian mewakili Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kelab Menembak Penerbangan Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Hong Kong dan Sri Lanka.

Tahniah kepada Penembak *Clay Target* Johor yang berjaya membawa pulang Piala Pusingan Iskandar Shoot 2013. Persatuan juga telah melahirkan penembak yang mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Antara atlet persatuan yang cemerlang pada 2013 ialah Benjamin Khor yang dicalonkan sebagai Duta Remaja Malaysia bagi temasya Sukan Olimpik Remaja 2014 di Nanjing di atas pencapaian beliau, antaranya memecahkan rekod Junior Asian Double Trap pada Asian Shooting Championship di Almaty, Kazakhstan pada 2013.

KELAB MOTOR JOHOR

Kelab Motor Johor adalah sebuah kelab gabungan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) yang aktif dalam pembangunan sukan bermotor seperti menganjurkan *Johor Clubman Race*, *Johor Sprint Challenge* dan Lumba Pecut Malam Minggu (*Saturday Nite Sprint*) yang diadakan secara mingguan selain Kejohanan Petronas AAM Malaysian Cub Prix. Segala aktiviti permotoran anjuran kelab ini diadakan di Litar Johor Pasir Gudang.

Pertandingan Johor Clubman Series merupakan acara paling popular di kalangan pendatang baru dan ahli kelab, manakala Lumba Pecut Malam Minggu pula amat popular di kalangan anak muda kerana memberi ruang bagi mereka mengambil bahagian lumba pecut dalam keadaan yang terkawal dan selamat.



Kelab Motor Johor juga mendapat kepercayaan AAM untuk menganjurkan Kejohanan Motocross AAM Malaysia 2013 yang diadakan di Litar Bandar Dato Onn, Johor Bahru. Kejohanan Pusingan Pertama diadakan pada 11 dan 12 Mei 2013, manakala Pusingan Kelima diadakan pada 28 dan 29 September 2013 di lokasi sama.

KESIMPULAN

Sebagai organisasi korporat bertanggungjawab, JCorp yakin penglibatannya, syarikat dalam Kumpulan serta seluruh anggota pekerjaannya dalam pembangunan masyarakat dan sosial melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan merupakan satu peranan penting dan komitmen yang dilakukan sepenuh hati dan penuh amanah.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN



MODAL insan dalam Kumpulan Johor Corporation (JCorp) terus diperkasakan bagi memastikan lebih 70,000 anggota pekerja dalam entiti konglomerat kerajaan negeri ini mempunyai kemampuan terbaik untuk melaksanakan peranan menggerakkan Pelan Strategik 2012-2022 Johor Corporation.

Antara proses yang diterapkan secara berterusan melalui pelbagai program dan forum ialah memperkasa dan membuka minda mereka untuk menerima transformasi dan pembaharuan, meningkatkan kemahiran dan keupayaan, memahat komitmen, proaktif sambil melihat semua aspek urus tadbir, operasi, bisnes, cabaran serta peluang melalui perspektif dan dimensi lebih luas.

Proses ini dilaksanakan melalui siri program latihan dan kursus untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, mengaplikasi sistem dan formula terkini dalam kerja dan pentadbiran. Anggota pekerja terpilih juga diberi peluang memperkasakan bakat, kepimpinan dan meningkatkan kerjaya bagi memastikan JCorp memiliki pelapis berwibawa untuk meneruskan visi dan misi. Antaranya melalui program tahunan termasuk *Johor Corporation Leadership Programme* dan *Johor Corporation Directors Conference*.

Pada masa sama, anggota pekerja turut didedahkan dengan program pemupukan sahsiah dan penyuburan integriti selain bertujuan meningkatkan ketahanan fizikal dan mental, mengeratkan kerjasama dan semangat berpasukan serta menggilap kecekapan membuat keputusan.

Dari aspek memupuk kesetiaan dan kecintaan serta berkongsi maklumat dan perkembangan terkini secara dua hala dengan pengurusan tertinggi Kumpulan mengenai organisasi, JCorp menganjurkan Majlis Pedoman Anggota Pekerja (PEDOMAN) setiap awal tahun manakala PEDOMAN Eksekutif pada pertengahan tahun.

Pastinya, JCorp sebagai entiti awam juga tidak sekali-kali mengabaikan pendedahan dan komunikasi kalangan anggota pekerja dengan komuniti setempat mahupun masyarakat terbanyak. Ini dilakukan dengan melibatkan mereka dalam program kebajikan, kemasyarakatan, pendidikan, sukan dan rekreasi mahupun program ilmiah dan keagamaan yang dilaksanakan secara terancang sepanjang tahun.

JCorp juga tidak memencilkan kepentingan program menggalakkan anggota pekerja menjalani gaya hidup yang sihat, ceria dan bertenaga melalui Program Jom Sihat selain pemeriksaan, ceramah dan aktiviti kesedaran kesihatan.



Dalam aspek komunikasi dan sosial dalaman, JCorp turut menganjurkan Majlis Jamuan Aidilfitri dan Sukan JCorp. Pemupukan sahsiah dan akhlak pula dilakukan dengan menggalakkan anggota pekerja solat berjemaah di surau pejabat dan masjid kelolaan JCorp, menganjurkan sesi ceramah dan tazkirah, menyertai majlis tahliil dan membaca Yassin, bergotong-royong menyayakan ibadah qurban. Anggota pekerja JCorp tidak ketinggalan menyertai aktiviti amal *World Hunger Relief 2013* pada 5 Oktober 2013 di Dataran Putrajaya, Putrajaya.



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Johor Corporation menerima anugerah dan pengiktirafan dalam negara serta peringkat antarabangsa sepanjang 2013 terhadap inisiatif yang dilakukannya.

ANUGERAH ADFIAP 2013

Johor Corporation telah dinobatkan pemenang ANUGERAH ADFIAP 2013 bagi kategori Tadbir Urus Korporat oleh Association of Development Financing Institutions In Asia and The Pacific (ADFIAP).

INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN 2012

Pengiktirafan Tertinggi Empat Bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara selama enam tahun berturut-turut sejak 2007.



LAPORAN KEWANGAN

- 72 SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
- 74 LAPORAN PARA PENGARAH
- 77 PENYATA Pengerusi dan seorang ahli lembaga Pengarah Johor Corporation (Akaun Kumpulan)
- 78 PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION
- 79 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
- 81 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
- 83 PENYATA PERUBAHAN EKUITI
- 86 PENYATA ALIRAN TUNAI
- 89 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
- 208 SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti

tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995), saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 30(i), Enakmen tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Perbadanan Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 MAC 2014



LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prishatin), pembangunan dan pengurusan hartanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM Juta	Johor Corporation RM Juta
Keuntungan daripada operasi berterusan, selepas cukai	1,151	129
Keuntungan daripada operasi dihentikan, selepas cukai	8	-
Keuntungan bersih selepas cukai	1,159	129
Keuntungan dikaitkan kepada:		
Johor Corporation	808	129
Kepentingan bukan kawalan	351	-
	1,159	129

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

LAPORAN PARA PENGARAH

(SAMBUNGAN)

LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:

YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin	(Dilantik menjadi Pengerusi pada 14 Mei 2013)
YAB Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman	(Bersara pada 13 Mei 2013)
YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa	(Timbalan Pengerusi)
YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	(Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan)
YB Dato' Haji Obet Bin Tawil	
YB Dato' Ishak Bin Sahari	(Dilantik pada 1 Januari 2014)
YB Tuan Haji Marsan Bin Kassim	
YBhg Datuk Mohd Hashim Bin Abdullah	(Dilantik pada 1 Disember 2013)
YBhg Dato' Hafsaah Binti Hashim	(Dilantik pada 1 Disember 2013)
YBhg Puan Siti Zauyah Binti Mohd Desa	(Dilantik pada 11 Mac 2013)
YB Tuan Haji Md Jais Bin Haji Sarday	(Dilantik pada 1 September 2013)
YBhg Encik Izaddeen Bin Daud	(Dilantik pada 1 September 2013)
YB Datuk Abdul Rahman Putra Bin Dato' Haji Taha	(Bersara pada 31 Disember 2013)
YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Binti Yusoff	(Bersara pada 31 Oktober 2013)
YBhg Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria	(Bersara pada 30 September 2013)
YB Dato' Haji Ahmad Zahri Bin Jamil	(Bersara pada 8 September 2013)
YB Datin Paduka Zainon Binti Haji Yusof	(Bersara pada 14 Ogos 2013)

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:
- tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan di dalam urusan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
- yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
 - yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
 - yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

LAPORAN PARA PENGARAH

(SAMBUNGAN)

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

(e) Pada pendapat para Pengarah:

- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
- (ii) kecuali sebagaimana yang didedahkan dalam penyata kewangan, dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Pengerusi



DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Johor Bahru

6 Mac 2014

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH JOHOR CORPORATION (AKAUN KUMPULAN)

Kami, Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin dan Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Pengerusi



DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Johor Bahru

6 Mac 2014

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION

Saya, Zulkifli Bin Ibrahim, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Johor Bahru pada **6 MAC 2014**



Dihadapan saya,



Pesuruhjaya sumpah

No. 89, Jalan Trus,
80000 Johor Bahru

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	Kumpulan 2013	2012 Dinyatakan semula	Johor Corporation 2013	2012
Operasi berterusan					
Hasil	4	6,574	9,970	531	348
Kos jualan		(4,315)	(7,503)	(120)	(121)
Keuntungan kasar		2,259	2,467	411	227
Lain-lain item pendapatan					
Lain-lain pendapatan	5	1,214	513	379	684
Lain-lain item perbelanjaan					
Perbelanjaan pengedaran		(255)	(272)	(6)	(4)
Perbelanjaan pentadbiran		(1,255)	(1,198)	(72)	(58)
Kos kewangan	7	(438)	(442)	(201)	(157)
Lain-lain perbelanjaan	6	(194)	(472)	(366)	(525)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		31	21	-	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai		4	-	-	-
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	8	1,366	617	145	167
Perbelanjaan cukai	11	(215)	(227)	(16)	36
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai		1,151	390	129	203
Operasi yang dihentikan					
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	8	20	-	-
Keuntungan bersih selepas cukai		1,159	410	129	203

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

Nota	Kumpulan 2013	2012 Dinyatakan semula	Johor Corporation 2013	2012
Lain-lain pendapatan komprehensif:				
Lebihan bersih daripada penilaian semula	-	8	-	-
Aliran tunai lindung nilai	-	7	-	-
Nilai saksama ke atas aset kewangan sedia untuk dijual	(2)	(3)	-	-
Penterjemahan matawang asing	(265)	(66)	-	-
<i>Lain-lain pendapatan komprehensif tahun semasa, bersih selepas cukai</i>	<i>(267)</i>	<i>(54)</i>	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	892	356	129	203
Keuntungan/(kerugian) dikaitkan kepada:				
Johor Corporation	808	(278)	129	203
Kepentingan bukan kawalan	351	688	-	-
	1,159	410	129	203
Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:				
Johor Corporation	738	(50)	129	203
Kepentingan bukan kawalan	154	406	-	-
	892	356	129	203

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	31.12.2013	Kumpulan 31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula	Johor Corporation 2013	2012
ASET						
Aset bukan semasa						
Harta, loji dan kelengkapan	14	8,629	9,874	9,291	520	334
Pembangunan hartanah	24	164	102	124	26	26
Hartanah pelaburan	15	3,554	3,718	3,446	1,108	259
Aset tidak zahir	16	410	1,263	1,224	-	-
Hak-hak guna tanah	17	154	81	54	-	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak	18	-	-	-	3,443	2,516
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	19	293	250	198	36	36
Pelaburan dalam syarikat-syarikat usahasama	20	1,272	-	-	-	-
Aset cukai tertunda	22	133	108	135	60	54
Lain-lain pelaburan	13	66	81	64	4	4
		14,675	15,477	14,536	5,197	3,229
Aset semasa						
Pembangunan hartanah	24	877	484	494	436	158
Inventori	25	804	1,105	1,052	80	41
Penghutang perdagangan dan lain-lain	23	1,065	1,347	1,369	302	1,847
Lain-lain aset semasa	26	76	75	104	17	24
Lain-lain pelaburan	13	64	111	253	48	83
Cukai boleh diperolehi kembali		5	-	9	75	68
Derivatif instrumen kewangan	28	16	24	-	-	-
Baki tunai dan bank	29	1,105	1,079	1,865	91	115
		4,012	4,225	5,146	1,049	2,336
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	21	6	383	208	26	39
		4,018	4,608	5,354	1,075	2,375
Jumlah aset		18,693	20,085	19,890	6,272	5,604

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

	Nota	31.12.2013	Kumpulan 31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula	Johor Corporation 2013	2012
EKUITI DAN LIABILITI						
Liabiliti semasa						
Cukai perlu dibayar		54	16	160	-	-
Pembiayaan dan pinjaman	31	1,634	2,419	5,183	61	61
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	32	1,939	2,236	2,069	1,220	1,138
Derivatif instrumen kewangan	28	-	-	2	-	-
		3,627	4,671	7,414	1,281	1,199
Pelupusan liabiliti kumpulan	21	-	225	-	-	-
		3,627	4,896	7,414	1,281	1,199
Jumlah aset bersih semasa/(liabiliti)		391	(288)	(2,060)	(206)	1,176
Liabiliti bukan semasa						
Lain-lain pemiutang	32	-	-	-	424	-
Lain-lain liabiliti jangka panjang	30	400	438	378	267	228
Liabiliti cukai tertunda	22	1,013	1,164	1,188	1	1
Pembiayaan dan pinjaman	31	6,930	5,904	3,665	2,977	2,980
		8,343	7,506	5,231	3,669	3,209
Jumlah liabiliti		11,970	12,402	12,645	4,950	4,408
Jumlah aset bersih		6,723	7,683	7,245	1,322	1,196
Ekuiti						
Rizab modal	33	1,056	1,046	1,046	55	55
Rizab lindung nilai	33	-	-	(1)	-	-
Rizab urusniaga ekuiti	33	(56)	(56)	(61)	-	-
Rizab turun naik matawang	33	(145)	(74)	(42)	-	-
Rizab pelarasan nilai saksama	33	51	53	53	-	-
Rizab hasil	33	1,598	787	733	1,267	1,141
		2,504	1,756	1,728	1,322	1,196
Kepentingan bukan kawalan		4,219	5,927	5,517	-	-
Jumlah ekuiti		6,723	7,683	7,245	1,322	1,196
Jumlah ekuiti dan liabiliti		18,693	20,085	19,890	6,272	5,604

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEMANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

2012 Kumpulan	Rizab modal	Rizab lindung nilai	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab urusniaga ekuiti	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Baki awal pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula	1,046	(1)	(42)	53	(61)	733	1,728	5,517	7,245
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	-	(278)	(278)	688	410
Lain-lain pendapatan komprehensif									
Lebihan penilaian semula	3	-	-	-	-	-	3	5	8
Pelarasan pertukaran asing	-	-	(41)	-	-	267	226	(289)	(63)
Nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	-	-	-	-	(3)	(3)
Pindahan daripada rizab ke keuntungan terkumpul	(3)	-	-	-	-	3	-	-	-
Aliran tunai lindung nilai	2	-	-	-	-	-	2	5	7
Pelarasan terjemahan	-	-	(3)	-	-	-	(3)	-	(3)
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	2	-	(44)	-	-	270	228	(282)	(54)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	2	-	(44)	-	-	(8)	(50)	406	356
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	-	-	(145)	(145)
Pelupusan syarikat-syarikat anak	-	1	(15)	-	-	-	(14)	(1,374)	(1,388)
Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	(2)	-	27	-	-	84	109	1,672	1,781
Pengambilalihan syarikat-syarikat anak baru	-	-	-	-	-	(2)	(2)	-	(2)
Tambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	(5)	-	(5)	(6)	(11)
Pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	-	(31)	(31)	(143)	(174)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	-	11	11	-	11
Penebusan balik saham keutamaan	-	-	-	-	10	-	10	-	10
	(2)	1	12	-	5	62	78	4	82
Baki akhir pada 31 Disember 2012, dinyatakan semula	1,046	-	(74)	53	(56)	787	1,756	5,927	7,683

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEMANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

2013 Kumpulan	Rizab modal	Rizab lindung nilai	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab urusniaga ekuiti	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Baki awal pada 1 Januari 2013, dinyatakan semula	1,046	-	(74)	53	(56)	787	1,756	5,927	7,683
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	-	808	808	351	1,159
Lain-lain pendapatan komprehensif									
Pelarasan pertukaran asing	-	-	(64)	-	-	-	(64)	(198)	(262)
Nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	(2)	-	-	(2)	-	(2)
Aliran tunai lindung nilai	(1)	-	-	-	-	-	(1)	1	-
Pelarasan terjemahan	-	-	(3)	-	-	-	(3)	-	(3)
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	(1)	-	(67)	(2)	-	-	(70)	(197)	(267)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	(1)	-	(67)	(2)	-	808	738	154	892
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	-	-	(614)	(614)
Pelupusan syarikat-syarikat anak	8	-	(4)	-	-	-	4	(1,307)	(1,303)
Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	4	-	-	-	-	21	25	46	71
Pengambilalihan syarikat-syarikat anak baru	-	-	-	-	-	-	-	5	5
Pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	-	-	-	2	2
Tambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	-	(16)	(16)	6	(10)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	-	(3)	(3)	-	(3)
Pindahan daripada rizab ke keuntungan terkumpul	(1)	-	-	-	-	1	-	-	-
	11	-	(4)	-	(56)	3	10	(1,862)	(1,852)
Baki akhir pada 31 Disember 2013	1,056	-	(145)	51	(56)	1,598	2,504	4,219	6,723

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

Johor Corporation	Rizab modal	Rizab hasil	Jumlah ekuiti
Baki awal pada 1 Januari 2012	55	949	1,004
Jumlah pendapatan komprehensif	-	203	203
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(11)	(11)
Baki akhir pada 31 Disember 2012 dan baki awal pada 1 Januari 2013	55	1,141	1,196
Jumlah pendapatan komprehensif	-	129	129
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(3)	(3)
Baki akhir pada 31 Disember 2013	55	1,267	1,322

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2013	2012	2013	2012
	Dinyatakan semula			
KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai:				
Operasi berterusan	1,366	617	145	167
Operasi dihentikan	9	21	-	-
Pelarasan-pelarasan:				
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Keuntungan bersih atas pelupusan	(73)	(16)	(73)	-
- Hapuskira	1	5	-	-
- Susutnilai	435	624	8	6
- Kerugian rosotnilai	-	-	-	-
Hartanah pelaburan:				
- Perubahan dalam nilai saksama	(463)	(79)	(268)	5
- Hapuskira/pelunasan	-	1	-	-
- Kerugian/(keuntungan) bersih atas pelupusan	50	49	(13)	11
Hak-hak guna tanah:				
- Pelunasan	-	1	-	-
Pengukuran semula baki kepentingan yang timbul daripada anggapan sebagai pelupusan ke atas syarikat anak	(331)	-	-	-
Keuntungan atas pelupusan:				
- Syarikat-syarikat anak	(80)	-	(15)	(1)
- Syarikat-syarikat bersekutu	-	(15)	-	(27)
- Lain-lain pelaburan	(3)	(28)	(1)	(2)
Pelaburan:				
- Perubahan dalam nilai saksama	(17)	(13)	(8)	42
- Peruntukan bagi penghausan nilai	-	120	90	174
Aset tidak ketara:				
- Pelunasan	1	11	-	-
Pendapatan dividen	(2)	(4)	(145)	(736)
Untung atas pertukaran matawang	-	27	-	-
Geran diterima daripada kerajaan	(6)	(8)	-	-
Muhibbah dihapuskira	22	-	-	-
Pembalikan peruntukan bagi kerosotan penghutang	(18)	-	-	-
Pelunasan geran kerajaan	(7)	(10)	-	-
Peruntukan rosotnilai penghutang	54	8	226	113
Perbelanjaan faedah	438	442	201	157
Pendapatan faedah	(47)	(43)	(17)	(13)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	(35)	(90)	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	1,294	1,620	130	(104)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2013	2012	2013	2012
	Dinyatakan semula			
Perubahan dalam modal kerja				
Deposit bank tidak dianggap sebagai kesamaan tunai	23	539	(9)	556
Inventori	38	(546)	(38)	-
Kos pembangunan hartanah	(378)	(17)	(150)	(2)
Penghutang	79	(741)	(452)	(154)
Pemiutang	96	431	321	143
Syarikat-syarikat bersekutu	1	70	-	-
Tunai dijana daripada kegiatan/(digunakan dalam) operasi	1,153	1,356	(198)	439
Pulangan cukai	56	-	-	-
Cukai dibayar	(327)	(285)	-	-
Dividen diterima	-	-	754	185
Faedah diterima	47	43	4	10
Zakat	-	(1)	-	-
Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi	929	1,113	560	634
KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam:				
- Syarikat-syarikat anak	80	-	22	1
- Lain-lain pelaburan	21	(10)	-	-
- Pelaburan jangka pendek	47	142	44	115
- Syarikat bersekutu	19	60	-	-
- Usahasama	(1,272)	-	-	-
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Perolehan daripada pelupusan	403	810	74	1
- Pembelian	(1,075)	(2,132)	(45)	(181)
Hartanah pelaburan:				
- Perolehan daripada pelupusan	834	120	25	77
- Pembelian	(282)	(206)	-	(4)
Aset tidak ketara:				
- Tambahan	(17)	(44)	-	-
Hak-hak guna tanah:				
- Pembelian	(88)	(10)	-	-
Aset tersedia untuk dijual:				
- Tambahan	-	42	-	-
Dividen diterima	-	19	-	-
Pembelian:				
- Sebahagian kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	-	(4)	(618)	(13)
- Sebahagian kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	-	(55)	(12)	(14)
- Lain-lain pelaburan	(5)	(1)	-	(99)
Tunai bersih keluar atas pelupusan syarikat-syarikat anak	893	(79)	-	-
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	(442)	(1,348)	(510)	(117)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2013	2012	2013	2012
	Dinyatakan semula			
KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pelaksanaan waran	-	104	-	-
Penerbitan saham kepada kepentingan bukan kawalan	-	55	-	-
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	3,053	883	-	-
Penerbitan Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	-	3,000	-	3,000
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(2,439)	(3,426)	(3)	(3,564)
Pembayaran balik sewa beli dan pajakan	(11)	(7)	-	-
Geran kerajaan diterima	32	-	32	20
Faedah dibayar	(438)	(442)	(109)	(81)
Pendapatan faedah daripada pembiayaan cara Islam jangka panjang	-	54	-	-
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	(614)	(145)	-	-
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(3)	(11)	(3)	(6)
Pengeluaran jaminan deposit	-	(1)	-	-
Penebusan saham keutamaan	-	10	-	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pembiayaan	(420)	74	(83)	(631)
Penambahan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesamaan tunai	67	(161)	(33)	(114)
Tunai dan kesamaan tunai pada 1 Januari	857	1,012	99	213
Kesan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesamaan tunai	12	6	-	-
Tunai dan kesamaan tunai pada 31 Disember	936	857	66	99
TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI				
Baki tunai dan bank	731	806	3	15
Simpanan tetap	374	273	88	100
	1,105	1,079	91	115
Simpanan tetap tertakluk kepada sekatan/dicagarkan	(47)	(70)	(25)	(16)
Tunai dan kesamaan tunai termasuk dalam pelupusan kumpulan dipegang untuk jualan	-	31	-	-
Overdraf bank	(122)	(183)	-	-
	936	857	66	99

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 2, PERSADA JOHOR
Jalan Abdullah Ibrahim
80000 Johor Bahru, Johor
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 meliputi Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usahasama.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihat), pembangunan dan pengurusan hartanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) dan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima pada amnya di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai pindaan dan FRS baru yang merupakan satu syarat mandatori bagi tempoh-tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013 sebagaimana yang dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM juta) melainkan dinyatakan sebaliknya.

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan

Asas-asas perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2013, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai pindaan dan FRS baru dan Interpretasi IC mandatori bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013:

Perihal	Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
Pindaan FRS 101 Persembahan Item-item lain-lain Pendapatan Komprehensif	1 Julai 2012
FRS 3 Kombinasi Bisnes (IFRS 3 Kombinasi Bisnes Dikeluarkan oleh IASB Pada Mac 2004)	1 Januari 2013
FRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan (IAS 27 disemak oleh IASB Pada Disember 2003)	1 Januari 2013
FRS 10 Penyata Kewangan Disatukan	1 Januari 2013
FRS 11 Penyusunan Bersama	1 Januari 2013
FRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain	1 Januari 2013
FRS 13 Pengukuran Nilai Saksama	1 Januari 2013
FRS 119 Manfaat Pekerja (IAS 19 Pindaan IASB Pada Jun 2011)	1 Januari 2013
FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan (IAS 27 dipinda oleh IASB Pada Mei 2011)	1 Januari 2013
FRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Sekutu dan Usahasama (IAS 28 Pindaan IASB Pada Mei 2011)	1 Januari 2013

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

Perihal	Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
IC Interpretasi 20 Kos Pelucutan Dalam Fasa Pengeluaran Lombong	1 Januari 2013
Pindaan FRS 7: Pendedahan - Imbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan	1 Januari 2013
Kitaran 2009-2011 Penambahbaikan Tahunan	1 Januari 2013
Pindaan to FRS 1: Pinjaman Kerajaan	1 Januari 2013
Pindaan FRS 10, FRS 11 dan FRS 12: Penyata Kewangan Disatukan, Penyusunan Bersama, dan Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain: Panduan Peralihan	1 Januari 2013

Menggunapakai piawaian baru dan pindaan dan interpretasi di atas tidak memberi apa-apa kesan ke atas prestasi kewangan atau kedudukan Kumpulan dan Johor Corporation, kecuali yang dibincangkan di bawah:

FRS 10 Penyata Kewangan Disatukan ("FRS 10")

FRS 10 menggantikan FRS 127 Penyatuan dan Penyata Kewangan Berasingan ("FRS 127") yang berhubung dengan penyata kewangan disatukan dan IC Interpretasi 112 Penyatuan - Entiti Tujuan Khas.

Di bawah FRS 10, pelabur mengawal pelaburan apabila (a) pelabur mempunyai kuasa ke atas pelaburan, (b) pelabur mempunyai pendedahan, atau hak, untuk pelbagai pulangan dari penglibatan pelaburan dan (c) pelabur mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti penerima pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelaburan. Di bawah FRS 127, kawalan telah ditakrifkan sebagai kuasa untuk mentadbir polisi kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

FRS 10 termasuk panduan terperinci untuk menjelaskan apabila seorang pelabur yang memiliki kurang daripada 50 peratus saham mengundi dalam pelaburan yang mempunyai kawalan ke atas pelaburan. FRS 10 memerlukan pelabur untuk mengambil kira semua fakta dan hal keadaan yang berkaitan, terutamanya saiz pegangan pelabur dalam hak mengundi berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain. Penggunaan FRS 10 memberi kesan perakaunan bagi kepentingan ekuiti Kumpulan dalam KPJ Healthcare Berhad, Al-'Aqar Healthcare REIT dan New Britain Palm Oil Limited, yang sebelum ini dianggap sebagai syarikat sekutu Kumpulan dan diambil kira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti, dan Waqaf An-Nur Berhad, syarikat jaminan terhad, yang sebelum ini tidak disatukan dalam Kumpulan seperti yang dibincangkan di bawah:

(a) Pelaburan di dalam KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai kawalan atas KPJ walaupun ia mempunyai kurang daripada 50% hak mengundi.

Kumpulan merupakan pemegang saham majoriti KPJ dengan 38% kepentingan ekuiti. Pemegang saham kedua terbesar ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), yang memiliki 11% kepentingan saham ekuiti dalam KPJ. Semua pemegang saham lain secara individu memiliki kurang daripada 5% daripada saham-saham ekuiti KPJ. Dari sudut sejarah, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk menjalankan undi mereka secara kolektif.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, KPJ merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

(b) Pelaburan di dalam Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar")

Pada 31 Disember 2013, Johor Corporation melalui KPJ, memegang 49% kepentingan ekuiti dalam Al-'Aqar. Berdasarkan penilaian oleh pengurusan dari fakta dan hal keadaan yang berkaitan berkenaan dengan kepentingan ekuiti yang dipegang dalam Al-'Aqar dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah mendapati bahawa wujud kawalan di peringkat Johor Corporation sebagai satu keperluan FRS 10.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

(b) Pelaburan di dalam Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar") (sambungan)

KPJ memajak hartanah daripada Damansara REIT Managers Sdn Bhd ("DREIT"), pengurus dana dan cabang pengurusan hartanah pelaburan Johor Corporation. Oleh itu, pengurus dana mempunyai kuasa kata pemutus untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Al-'Aqar. Walau bagaimanapun, sebarang keputusan yang dibuat, memberi kesan kepada Kumpulan dengan mempelbagaikan pulangan dan dilakukan mengikut kepentingan terbaik untuk Kumpulan. Imbuan DREIT, setimpal dengan perkhidmatan yang diberikan dan tidak mempunyai kepentingan secara langsung dalam Al-'Aqar, oleh itu, ianya hanya layak menjadi ejen.

Oleh itu, pada 31 Disember 2013, penyata kewangan Al-'Aqar disatukan secara terus dengan Johor Corporation.

(c) Pelaburan di dalam New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL")

Pada 31 Disember 2013, Johor Corporation melalui Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") memegang 48% kepentingan ekuiti dalam NBPOL. Kepentingan KMB dalam NBPOL telah berkurang kepada 48%, berikutan terbitan hak oleh NBPOL pada tahun kewangan berakhir 2012, dan ini telah diambil kira sebagai dianggap pelupusan syarikat anak pada tahun tersebut. Tatacara perakaunan bagi transaksi ini telah terjejas disebabkan penggunaan FRS 10 dalam tahun kewangan semasa.

Berdasarkan kepada penilaian pihak pengurusan ke atas fakta-fakta dan hal keadaan yang berkaitan, walaupun pegangan KMB di dalam NBPOL adalah di bawah 50%, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa kawalan dikekalkan seperti keperluan FRS 10.

Pihak pengurusan telah membuat kesimpulan berdasarkan sifat saham mengundi yang bertebaran secara meluas yang tidak dipegang oleh KMB. Pemegang saham kedua terbesar adalah West New Britain Provincial Government yang memiliki 8% daripada saham-saham ekuiti NBPOL. Semua pemegang saham lain secara individu memiliki kurang daripada 5% daripada saham-saham ekuiti NBPOL. Dari segi sejarah, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk menjalankan undi mereka secara kolektif.

Para Pengarah membuat penilaian bahawa KMB mempunyai kawalan ke atas NBPOL. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, NBPOL merupakan syarikat anak KMB.

(d) Pelaburan di dalam Waqaf An-Nur Berhad ("WanBhd")

WanBhd adalah sebuah syarikat terhad dengan jaminan yang ditubuhkan untuk menguruskan aset dan saham syarikat-syarikat Johor Corporation yang telah dikurniakan mengikut prinsip-prinsip syariah. Walau bagaimanapun, WanBhd telah tidak aktif sejak penubuhannya. Pada 31 Disember 2013, WanBhd memegang 100% kepentingan ekuiti dalam Sindora Ventures Sdn Bhd ("SVSB") dan kepentingan tidak langsung dalam 19 buah syarikat-syarikat anak lain (melalui SVSB).

Penilaian pengurusan berdasarkan fakta dan hal keadaan yang berkaitan dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa penyata kewangan WanBhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, akan disatukan dengan Johor Corporation, pada masa ini, ahli-ahli Lembaga Pengarah ("ALP") adalah hanya diwakili oleh wakil Johor Corporation (dua orang wakil ALP adalah dari Johor Corporation) yang mana tidak selaras dengan kehendak Memorandum dan Artikel (M & A) WanBhd yang memerlukan sekurang-kurangnya empat orang pengarah yang dilantik, yang terdiri daripada Ketua Eksekutif Johor Corporation, Mufti Negeri Johor, Pengarah Jabatan Agama Islam Johor dan Pegawai Waqaf daripada Negeri Johor. Hasilnya, Johor Corporation mempunyai kawalan penuh untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan WanBhd.

Perubahan perakaunan bagi pelaburan Kumpulan didalam KPJ, Al-'Aqar, NBPOL dan WanBhd telah digunapakai mengikut peruntukan peralihan yang bersesuaian seperti yang dinyatakan di dalam FRS 10.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

Perubahan dalam asas-asas perakaunan telah memberi kesan ke atas jumlah yang dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan Kumpulan, sebagaimana ditunjukkan dalam nota 2.2(i) sehingga nota 2.2(iv) dibawah.

FRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (“FRS 12”)

FRS 12 termasuk semua keperluan pendedahan untuk kepentingan dalam syarikat anak, pengaturan bersama, syarikat bersekutu dan entiti berstruktur. Beberapa pendedahan yang baru diperlukan. Piawaian ini melibatkan pendedahan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan.

FRS 13 Pengukuran Nilai Saksama (“FRS 13”)

FRS 13 mewujudkan satu sumber tunggal panduan di bawah FRS untuk semua ukuran nilai saksama. FRS 13 tidak berubah apabila sesuatu entiti itu diperlukan untuk menggunakan nilai saksama, tetapi menyediakan panduan tentang bagaimana untuk mengukur nilai saksama di bawah FRS. FRS 13 mentakrifkan nilai saksama sebagai harga muktamad. Kesan daripada panduan FRS 13, Kumpulan telah menilai semula polisinya dalam pengiraan nilai saksama, terutamanya, input penilaian seperti risiko tanpa penilaian bagi mengukur nilai saksama liabiliti. FRS 13 juga memerlukan pendedahan tambahan.

Aplikasi FRS 13 tidak memberi impak ketara ke atas pengukuran nilai saksama Kumpulan. Pendedahan tambahan sekiranya perlu, adalah dinyatakan di dalam nota berkaitan aset dan liabiliti, yang nilai saksama telah ditentukan.

Pindaan kepada FRS 101: Pembentangan Item Lain-lain Pendapatan Komprehensif (“Pindaan kepada FRS 101”)

Pindaan kepada FRS 101 mengubah pengelompokan perkara yang dibentangkan dalam pendapatan komprehensif lain. Item yang boleh dikelaskan semula (“kitar semula”) kepada keuntungan atau kerugian pada satu ketika di masa hadapan (contohnya, kerugian bersih atau keuntungan ke atas aset kewangan yang sedia-untuk-jualan) akan dibentangkan secara berasingan daripada item yang tidak akan dikelaskan semula (contoh, penilaian semula tanah dan bangunan). Pindaan ini hanya menjejaskan persembahan dan tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan.

FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan (“FRS 127”)

Disebabkan pembaharuan FRS 10 dan FRS 12, FRS 127 adalah terhad kepada perakaunan untuk syarikat-syarikat anak, entiti dikawal bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan.

FRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama (“FRS 128”)

Kesan daripada FRS 11 dan FRS 12 yang baru, FRS 128 dinamakan semula sebagai FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama. Piawaian baru ini menerangkan penggunaan kaedah ekuiti kepada pelaburan dalam syarikat usahasama sebagai tambahan kepada syarikat-syarikat bersekutu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

(i) Impak aplikasi piawaian baru di atas kepada aset bersih dan ekuiti Kumpulan pada 1 Januari 2012 dan 31 Disember 2012

	1.1.2012 Seperti di laporkan sebelumnya	Pelarasan FRS 10	1.1.2012 Dinyatakan semula	31.12.2012 Seperti di laporkan sebelumnya	Pelarasan FRS 10	31.12.2012 Dinyatakan semula
ASET						
Aset bukan semasa						
Harta, loji dan kelengkapan	8,658	633	9,291	5,497	4,377	9,874
Pembangunan hartanah	124	-	124	102	-	102
Pelaburan hartanah	2,062	1,384	3,446	2,200	1,518	3,718
Aset tidak zahir	1,093	131	1,224	925	338	1,263
Hak-hak guna tanah	53	1	54	65	16	81
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	531	(333)	198	2,439	(2,189)	250
Aset cukai tertunda	120	15	135	92	16	108
Lain-lain pelaburan	61	3	64	78	3	81
	12,702	1,834	14,536	11,398	4,079	15,477

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

(i) Impak aplikasi piawaian baru di atas kepada aset bersih dan ekuiti Kumpulan pada 1 Januari 2012 dan 31 Disember 2012 (sambungan)

	1.1.2012 Seperti di laporkan sebelumnya	Pelarasan FRS 10	1.1.2012 Dinyatakan semula	31.12.2012 Seperti di laporkan sebelumnya	Pelarasan FRS 10	31.12.2012 Dinyatakan semula
ASET						
Aset semasa						
Pembangunan hartanah	494	-	494	484	-	484
Inventori	1,005	47	1,052	419	686	1,105
Penghutang perdagangan dan lain-lain	1,070	299	1,369	660	687	1,347
Lain-lain aset semasa	82	22	104	35	40	75
Lain-lain pelaburan	253	-	253	111	-	111
Derivatif instrumen kewangan	-	-	-	8	16	24
Cukai boleh diperolehi kembali	-	9	9	-	-	-
Baki tunai dan bank	1,557	308	1,865	743	336	1,079
	4,461	685	5,146	2,460	1,765	4,225
	112	96	208	381	2	383
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	4,573	781	5,354	2,841	1,767	4,608
Jumlah aset	17,275	2,615	19,890	14,239	5,846	20,085

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

(i) Impak aplikasi piawaian baru di atas kepada aset bersih dan ekuiti Kumpulan pada 1 Januari 2012 dan 31 Disember 2012 (sambungan)

	1.1.2012 Seperti di laporkan sebelumnya	Pelarasan FRS 10	1.1.2012 Dinyatakan semula	31.12.2012 Seperti Dinyatakan di laporan sebelumnya	Pelarasan FRS 10	31.12.2012 Dinyatakan semula
EKUITI DAN LIABILITI						
Liabiliti semasa						
Cukai perlu dibayar	151	9	160	-	16	16
Pembiayaan dan pinjaman	5,030	153	5,183	1,209	1,210	2,419
Pembiayaan perdagangan dan lain-lain	1,519	550	2,069	1,501	735	2,236
Derivatif instrumen kewangan	2	-	2	-	-	-
Pelupusan liabiliti kumpulan	6,702	712	7,414	2,710	1,961	4,671
	-	-	-	225	-	225
	6,702	712	7,414	2,935	1,961	4,896
Jumlah (liabiliti)/aset bersih semasa	(2,129)	69	(2,060)	(94)	(194)	(288)
Liabiliti bukan semasa						
Lain-lain liabiliti jangka panjang	357	21	378	415	23	438
Liabiliti cukai tertunda	1,141	47	1,188	310	854	1,164
Pembiayaan dan pinjaman	2,690	975	3,665	4,777	1,127	5,904
	4,188	1,043	5,231	5,502	2,004	7,506
Jumlah liabiliti	10,890	1,755	12,645	8,437	3,965	12,402
Jumlah aset bersih	6,385	860	7,245	5,802	1,881	7,683

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

(i) Impak aplikasi piawaian baru di atas kepada aset bersih dan ekuiti Kumpulan pada 1 Januari 2012 dan 31 Disember 2012 (sambungan)

	1.1.2012 Seperti di laporkan sebelumnya	Pelarasan FRS 10	1.1.2012 Dinyatakan semula	31.12.2012 Seperti di laporkan sebelumnya	Pelarasan FRS 10	31.12.2012 Dinyatakan semula
Ekuiti						
Rizab modal	999	47	1,046	1,000	46	1,046
Rizab lindung nilai	(1)	-	(1)	-	-	-
Rizab urusniaga ekuiti	(61)	-	(61)	(56)	-	(56)
Rizab pelarasan matawang	(39)	(3)	(42)	(98)	24	(74)
Rizab pelarasan nilai saksama	53	-	53	53	-	53
Rizab hasil	926	(193)	733	1,272	(485)	787
Kepentingan bukan kawalan	1,877	(149)	1,728	2,171	(415)	1,756
	4,508	1,009	5,517	3,631	2,296	5,927
Jumlah ekuiti	6,385	860	7,245	5,802	1,881	7,683
Jumlah ekuiti dan liabiliti	17,275	2,615	19,890	14,239	5,846	20,085

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

- (ii) Penambahan/(pengurangan) dalam aset bersih dan ekuiti Kumpulan pada 31 Disember 2013 yang timbul daripada aplikasi piawaian baru di atas.

	31.12.2013 Pelarasan FRS 10
Harta, loji dan kelengkapan	4,673
Hartanah pelaburan	1,549
Aset tidak zahir	413
Hak-hak guna tanah	23
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	(1,399)
Aset cukai tertunda	18
Lain-lain pelaburan jangka panjang	12
Inventori	683
Penghutang perdagangan dan lain-lain	822
Cukai boleh diperolehi kembali	10
Derivatif instrumen kewangan	24
Baki tunai dan bank	445
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	2
Cukai perlu dibayar	36
Pembiayaan dan pinjaman	2,775
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	821
Lain-lain liabiliti jangka panjang	25
Liabiliti cukai tertunda	861
Kepentingan bukan kawalan	1,485

- (iii) Impak aplikasi piawaian diatas kepada keuntungan Kumpulan bagi tahun semasa

	31.12.2013 Pelarasan FRS 10
Peningkatan dalam hasil	4,231
Peningkatan dalam kos jualan	(2,760)
Peningkatan dalam lain-lain pendapatan operasi	93
Peningkatan dalam perbelanjaan pentadbiran	(1,139)
Peningkatan dalam lain-lain perbelanjaan operasi	(75)
Peningkatan dalam kos kewangan	(109)
Peningkatan dalam bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	32
Peningkatan dalam perbelanjaan cukai pendapatan	(96)
Peningkatan dalam keuntungan tahun semasa	177
Agihan peningkatan dalam keuntungan tahun semasa kepada:	
Pemilikan Johor Corporation	133
Kepentingan bukan kawalan	44
	177

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

(iii) Impak aplikasi piawaian di atas kepada keuntungan Kumpulan bagi tahun semasa (sambungan)

	31.12.2012 Pelarasan FRS 10
Peningkatan hasil	4,330
Peningkatan kos jualan	(2,761)
Pengurangan lain-lain pendapatan operasi	(1,756)
Peningkatan perbelanjaan pengurusan	(1,129)
Pengurangan lain-lain perbelanjaan operasi	1,269
Peningkatan kos kewangan	(96)
Pengurangan keputusan saham syarikat bersekutu	(26)
Operasi yang dihentikan	(105)
Peningkatan perbelanjaan cukai	(94)
	(368)
Pengurangan pendapatan tahun semasa	(368)
Agihan pengurangan dalam keuntungan tahun semasa kepada:	
Pemilikan Johor Corporation	(420)
Kepentingan bukan kawalan	52
	(368)

(iv) Impak aplikasi piawaian baru di atas kepada aliran tunai Kumpulan bagi tahun semasa

	31.12.2013 Pelarasan FRS 10
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	833
Tunai bersih digunakan daripada operasi pelaburan	(450)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti kewangan	(316)
Tunai bersih dijana	67
	(31.12.2012 Pelarasan FRS 10)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	1,133
Tunai bersih (digunakan) daripada operasi pelaburan	(1,373)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti kewangan	79
Tunai bersih digunakan	(161)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan Johor Corporation belum menerimapakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa. Kumpulan dan Johor Corporation bercadang untuk menggunapakai piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa.

Perihal	Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
Pindaan FRS 132: Pengimbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan	1 Januari 2014
Pindaan FRS 10, FRS 12 dan FRS 127: Entiti-entiti Pelaburan	1 Januari 2014
Pindaan FRS 136: Pendedahan Nilai Aset Pulih Semula bagi Aset Bukan Kewangan	1 Januari 2014
Pindaan FRS 139: Penggantian Derivatif dan Penggunaan Berterusan Perakaunan Lindung Nilai	1 Januari 2014
IC Interpretasi 21 Levi	1 Januari 2014
Pindaan FRS 119 : Pelan Manfaat : Sumbangan Pekerja	1 Julai 2014
Penambahbaikan Tahunan FRSs Kitaran 2010-2012	1 Julai 2014
Penambahbaikan Tahunan FRSs Kitaran 2011-2013	1 Julai 2014
FRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 yang dikeluarkan oleh IASB pada November 2009)	Akan diumumkan
FRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 yang dikeluarkan oleh IASB pada Oktober 2010)	Akan diumumkan
FRS 9 Instrumen Kewangan: Perakaunan Lindung Nilai dan Pindaan FRS 9, FRS 7 dan FRS 139	Akan diumumkan

Para Pengarah menganggarkan penggunaan pakai semua piawaian dan interpretasi di atas. tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan diperingkat awal penggunaan pakai kecuali yang dibincangkan di bawah:

FRS 9 Instrumen Kewangan (“FRS 9”)

FRS 9 mencerminkan fasa pertama kerja-kerja penggantian FRS 139 dan digunakan untuk mengklasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam FRS 139. Piawaian ini pada mulanya berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013, tetapi Pindaan FRS 9: Tarikh Berkesan Mandatori FRS 9 dan Peralihan Pendedahan, dikeluarkan pada Mac 2012, berpindah tarikh kuat kuasa mandatori kepada 1 Januari 2015. Penerimaan pakai fasa pertama FRS 9 akan mempunyai kesan ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan Kumpulan, tetapi tidak akan memberi kesan kepada klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan Kumpulan. Kumpulan akan menilai kesan bersama fasa-fasa lain, apabila piawaian akhir termasuk semua fasa dikeluarkan.

Pindaan FRS 139 Penggantian Derivatif dan Penggunaan Berterusan Perakaunan Lindung Nilai (“Pindaan FRS 139”)

Pindaan ini memberikan kelegaan daripada menghentikan perakaunan lindung nilai apabila novasi derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen perlindungan nilai memenuhi kriteria tertentu. Kumpulan tidak menggantikan haknya terbitannya dalam tempoh semasa. Walau bagaimanapun, pindaan ini akan dipertimbangkan untuk penggantian masa hadapan.

Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja FRS)

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan baru yang telah diluluskan, iaitu Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja MFRS).

Rangka Kerja MFRS digunapakai oleh semua Entiti Selain daripada Entiti Persendirian bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 Pertanian (MFRS 141) dan IC Interpretasi 15 Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah (IC 15), termasuk induk, pelabur besar dan pengusaha (di sini dipanggil ‘Entiti Peralihan’).

Entiti Peralihan akan dibenarkan untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru dan boleh memilih untuk menggunapakai Piawaian Laporan Kewangan (FRS) sebagai rangka kerja laporan kewangan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja FRS) (sambungan)

Kumpulan termasuk dalam definisi skop Entiti Peralihan dan telah memilih untuk menanggukkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru. Sehubungan itu, Kumpulan perlu untuk menyediakan penyata kewangan yang menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRS yang pertama apabila Rangka Kerja MFRS diberi mandat oleh MASB. Dalam membentangkan penyata kewangan MFRSnya yang pertama, Kumpulan akan diperlukan untuk menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang menggambarkan pemakaian Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan pada peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap baki awal keuntungan terkumpul.

Kumpulan belum lagi selesai melakukan penilaiannya terhadap kesan kewangan bagi perbezaan antara Piawaian laporan Kewangan dan piawaian perakaunan di bawah Rangka Kerja MFRS. Sehubungan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

2.4 Asas-asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan kesemua syarikat anaknya pada tarikh laporan. Penyata kewangan syarikat-syarikat anak yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Johor Corporation ini mengawal satu pelaburan jika dan hanya jika Johor Corporation mempunyai semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas pelaburan (iaitu hak yang ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, pulangan berubah-ubah daripada pelaburan dengan pelabur; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa ke atas pelaburan untuk mempengaruhi pulangan.

Apabila Johor Corporation mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi penerima pelaburan satu, Johor Corporation menganggap yang berikut dalam menilai sama ada atau tidak hak mengundi Kumpulan dalam penerima pelaburan yang mencukupi untuk memberikan kuasa ke atas pelaburan:

- (i) Saiz pegangan hak mengundi Johor Corporation berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain;
- (ii) Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Johor Corporation, pemegang undi atau pihak-pihak lain;
- (iii) Hak yang timbul daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- (iv) Mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Johor Corporation telah, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan yang berkaitan pada masa yang keputusan perlu dibuat, termasuk corak mengundi di mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

Kesemua syarikat-syarikat anak disatukan apabila Johor Corporation mempunyai kuasa ke atas syarikat anak dan terhenti apabila Johor Corporation kehilangan kawalan syarikat anak itu. Semua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusniaga antara kumpulan tidak direalisasikan dihapuskan sepenuhnya.

Kerugian dalam syarikat anak diagihkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun ianya menghasilkan baki defisit.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Johor Corporation dalam syarikat-syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan ke atas Johor Corporation diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Perbezaan yang terhasil diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan dengan pemilik Johor Corporation.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas subsidiari, keuntungan atau kerugian yang dikira sebagai perbezaan di antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang faedah tertanggung dan (ii) nilai dibawa sebelum ini bagi aset dan liabiliti syarikat anak dan mana-mana kepentingan bukan kawalan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan terkumpul syarikat anak atau kerugian yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian atau jika berkenaan, akan dipindahkan ke perolehan tertahan. Nilai saksama bagi mana-mana pelaburan terkumpul dalam bekas syarikat anak tersebut pada tarikh kawalan hilang dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal pelaburan.

Kombinasi perniagaan

Pengambilalihan syarikat-syarikat anak diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih dikira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kumpulan memilih asas secara transaksi demi transaksi untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih sama ada nilai saksama atau pada kadar daripada aset bersih yang boleh dikenal pasti. Kos urusan yang dibelanjakan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran.

Sebarang pertimbangan kontingen yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya ke atas pertimbangan kontingen adalah dalam nilai saksama yang disifatkan sebagai suatu aset atau liabiliti, akan diiktiraf menurut FRS 139 sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Jika pertimbangan kontingen diklasifikasikan sebagai ekuiti, ia tidak akan dikaji semula. Penjelasan berikutnya diambil kira di dalam ekuiti. Dalam keadaan di mana pertimbangan kontingen tidak termasuk dalam skop FRS 139, ia diukur mengikut FRS yang sesuai.

Apabila Kumpulan mengambil alih perniagaan, Kumpulan menilai aset dan liabiliti kewangan yang diandaikan mengikut pengelasan dan diiktiraf mengikut terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pemisahan derivatif tersembunyi dalam kontrak hos oleh syarikat yang diambilalih.

Jika dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambilalih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

Muhibbah pada mulanya diukur pada kos, yang merupakan lebih agregat pertimbangan yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf ke atas aset bersih dan liabiliti yang boleh dikenalpasti bagi kepentingan bukan kawalan. Jika pertimbangan ini adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat anak yang diambil alih, perbezaannya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dasar perakaunan untuk muhibbah dinyatakan di Nota 2.9 (a).

2.5 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam syarikat-syarikat anak yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada pemilik syarikat, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti dikaitkan kepada pemilik Johor Corporation.

Perubahan dalam pemilikan kepentingan Johor Corporation dalam syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urusan ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, jumlah dibawa kepentingan kawalan dan bukan-kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Sebarang perbezaan antara jumlah yang mana kepentingan bukan-kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan kepada syarikat induk.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.6 Mata wang asing

(a) Mata wang berfungsi dan mata wang pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang berfungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang berfungsi Johor Corporation.

(b) Urusniaga mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang asing adalah diukur dalam mata wang berfungsi Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal dalam mata wang berfungsi pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urusniaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing tersebut diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan di atas pelupusan operasi luar negara tersebut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambilkira didalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas terjemahan item-item bukan monetari di mana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item bukan monetari tersebut adalah juga diiktiraf secara langsung didalam ekuiti.

(c) Operasi luar negara

Aset dan liabiliti operasi luar negara diterjemah ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan adalah diambilkira terus sebagai lain-lain pendapatan komprehensif.

Selepas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab terjemahan mata wang asing berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Muhibbah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara tersebut dan direkodkan mengikut mata wang berfungsi bagi operasi luar negara tersebut dan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Semua item harta, loji dan kelengkapan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan kelengkapan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Tanah milik bebas dan tanah pajakan perladangan Kumpulan belum pernah dinilai sejak dinilai kali terakhir pada tahun 1997. Para Pengarah tidak menggunakan polisi menilai semula secara berkala bagi aset-aset tersebut dan tiada penilaian semula direkodkan. Sepertimana dibenarkan di bawah peruntukan peralihan IAS16 (Dipinda) Harta, Loji dan Kelengkapan, aset-aset tersebut adalah dinyatakan pada penilaian ditolak susut nilai terkumpul.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)

Semua perbelanjaan berhubung kepada pembangunan ladang minyak sawit (ladang belum matang) akan diklasifikasikan di bawah perbelanjaan pembangunan ladang. Kos tersebut akan dilunaskan apabila ladang tersebut matang. Tarikh matang bagi perbelanjaan pembangunan ladang adalah masa di mana kawasan baru ditanam menghasilkan 8.60 tan buah tandan segar sehektar setahun atau 48 bulan daripada tarikh tanaman, yang mana lebih dahulu. Perbelanjaan overhead ladang dibahagikan kepada hasil dan perbelanjaan pembangunan ladang pada kadar pembahagian kawasan matang kepada tidak matang.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan kelengkapan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu, dan susut nilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan besar-besaran dijalankan, kosnya diiktiraf dalam nilai bawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

- Tanah pajakan	15 – 904 tahun
- Penambahbaikan dan pengubahsuaian hartanah pegangan pajak	10 tahun
- Perbelanjaan pembangunan ladang	17 – 20 tahun dari tahun matang
- Bangunan	4 – 50 tahun
- Kapal, loji dan jentera	3 – 25 tahun
- Restoran dan kelengkapan pejabat	5 – 15 tahun
- Lekapan dan kelengkapan	4 – 20 tahun
- Kenderaan bermotor	3 – 5 tahun

Kerja modal dalam pelaksanaan termasuk di dalam loji dan kelengkapan adalah tidak disusutnilai memandangkan aset-aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan dipertimbangkan bagi kerosotan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Baki nilai, jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

2.8 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi hartanah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartanah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ianya timbul.

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartanah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatan penggunaan atau penjualan hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatan penggunaan atau penjualannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.8 Hartanah pelaburan (sambungan)

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartanah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah didiami-pemilik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta didiami-pemilik kepada hartanah pelaburan, harta tersebut diambillkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan kelengkapan yang dibentangkan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

2.9 Aset-aset tidak zahir

(a) Muhibbah

Muhibbah pada awalnya diukur pada kos. Selepas pengiktirafan awal, muhibbah diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul. Bagi tujuan menguji penurunan nilai, muhibbah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh pemerolehan, kepada setiap satu unit menjana tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit menjana tunai kepada muhibbah yang telah diperuntukkan diuji untuk penurunan nilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit yang menjana tunai tersebut mungkin disusut nilai, dengan membandingkan nilai bawa bagi unit yang menjana tunai tersebut, termasuk muhibbah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi di mana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada nilai bawa, kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi muhibbah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

(b) Aset-aset tidak zahir lain

Aset-aset tidak zahir diperolehi berasingan pada awalnya diukur pada kos pada. Kos aset-aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset-aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul.

Aset-aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi penurunan nilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan diturun nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset-aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset-aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk penurunan nilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin disusut nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit yang menjana tunai. Aset-aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif.

Untung atau rugi yang timbul daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai bawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.10 Hak-hak guna tanah

Hak-hak guna tanah pada awalnya diukur pada kos. Menyusuli pengiktirafan awal, hak-hak guna tanah diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Hak-hak guna tanah dilunas menurut terma-terma pajakan.

2.11 Penurunan nilai-nilai aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosot nilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian penurunan nilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

Jumlah boleh diperolehi semula daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian penurunan semula, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan ("Unit Penjanaan Tunai") (UPT).

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi jumlah boleh diperolehi semula, aset tersebut dikurangkan kepada jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian penurunan nilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawa bagi sebarang muhibbah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian penurunan semula diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian penurunan semula diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh didapatkan semula aset sejak kerugian penurunan nilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada jumlah boleh didapatkan semula. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian penurunan nilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian penurunan nilai atas muhibbah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

2.12 Syarikat-syarikat anak

Syarikat anak adalah sebuah entiti di mana Kumpulan memiliki yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas pelaburan tersebut (hak iaitu yang sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, untuk mempelbagaikan pulangan daripada pelaburannya dalam pelaburan tersebut; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa untuk mempengaruhi ke atas pulangan pelaburan.

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat anak diambilkira pada kos ditolak kerugian penurunan nilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.13 Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar.

Usahasama adalah persetujuan bersama dimana pihak-pihak yang tersebut dalam persetujuan bersama mempunyai hak kawalan ke atas aset bersih dalam persetujuan usahasama. Kawalan bersama adalah persetujuan kawalan usahasama yang telah dipersetujui secara kontrak, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berusahasama.

Pada pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti dalam pelaburan diiktiraf sebagai muhibbah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti penerima pelaburan ke atas kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu ini atau keuntungan atau kerugian usahasama bagi tempoh di mana pelaburan tersebut diperolehi.

Syarikat bersekutu atau usahasama adalah ekuiti yang diambilkira dari tarikh di mana pelaburan menjadi syarikat bersekutu atau usahasama.

Di bawah kaedah ekuiti, pada pengiktirafan permulaan pelaburan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama diiktiraf pada kos, dan jumlah yang dibawa ditambah atau dikurangkan untuk mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu atau usahasama selepas tarikh pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usahasama yang sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu atau usahasama, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu atau usahasama.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusan hulu dan hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usahasama yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan urusan berkenaan menunjukkan bukti pengurangan aset yang dipindahkan.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat usahasama disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas dasar-dasar perakaunan dengan dasar Kumpulan.

Setelah menerimapakai kaedah ekuiti, Kumpulan mengguna pakai FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran untuk menentukan sama ada ia adalah perlu untuk mengiktiraf sebarang tambahan nilai kerosotan yang berkaitan dengan pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Apabila perlu, jumlah dibawa keseluruhan pelaburan diuji untuk penurunan nilai menurut FRS 136 Rosotnilai Aset sebagai aset tersendiri, dengan membandingkan jumlah yang boleh diperolehi semula (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual) dengan jumlah yang dibawa. Sebarang kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Pembalikan kerugian rosotnilai kemudiannya diiktiraf ke tahap di mana amaun pelaburan yang boleh diperolehi semula meningkat.

Aset-aset tidak diperuntukkan							83
Jumlah aset disatukan	4,012	1,132	2,276	1,070	115	3,786	20,085
Liabiliti segmen							12,391
Liabiliti tidak diperuntukkan							11
Jumlah liabiliti disatukan							12,402
Perbelanjaan modal	1,460	362	-	7	301	27	2,157
Susutnilai dan pelunasan	286	79	7	9	160	83	624

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

Kumpulan Pada 1 Januari 2012	Minyak sawit	Prisihatim	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Lain-lain informasi							
Aset-aset segmen	8,249	1,700	4,080	509	2,686	2,539	19,763
Syarikat-syarikat bersekutu	1	56	58	24	-	59	198
Aset-aset tidak diperuntukkan							(71)
Jumlah aset disatukan							19,890
Liabiliti segmen	2,959	950	2,454	440	1,034	4,854	12,692
Liabiliti tidak diperuntukkan							(47)
Jumlah liabiliti disatukan							12,645
Perbelanjaan modal	947	-	-	3	393	8	1,351
Susutnilai dan pelunasan	268	71	6	22	136	47	550

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(b) Format pelaporan sekunder - Segmen Bisnes

Kumpulan	Jualan (Luaran)		Jumlah Aset		Perbelanjaan Modal	
	2013	2012	31.12.2013	31.12.2012	31.12.2013	31.12.2012
		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula		Dinyatakan semula
Malaysia	4,646	7,742	12,468	14,809	774	1,077
Indonesia	48	53	138	120	-	-
Papua New Guinea	1,790	2,129	4,171	4,749	309	1,080
United Kingdom	-	-	-	-	-	-
Lain-lain negara	90	46	262	150	-	-
	6,574	9,970	17,039	19,828	1,083	2,157
Syarikat-syarikat bersekutu			293	250		
Syarikat-syarikat usahasama			1,272	-		
Aset-aset tidak diperuntukkan			89	7		
Jumlah aset			18,693	20,085		19,890
						1,351

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN

1. Johor Corporation

- (a) Pada 2 Ogos 2012, Johor Corporation memeterai Perjanjian Pengambilalihan Aset ("Perjanjian") dengan syarikat-syarikat anaknya, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"), Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") dan Johor City Development Sdn Bhd ("JCD"), untuk mengambilalih aset-aset tertentu yang terletak di kawasan Pelabuhan Tanjung Langsat. Perjanjian telah disempurnakan pada 1 Julai 2013. Butiran aset-aset yang diambilalih dan pertimbangan pembelian dipersetujui adalah seperti berikut:
- (i) TLP: Satu senarai aset-aset seperti jeti, tangki, paip, tanah, pejabat dan bangunan terminal, loji dan jentera, dan aset-aset lain bagi jumlah pertimbangan sebanyak RM597.7 juta;
 - (ii) DASB: 125.49 ekar tanah pegangan pajakan bagi jumlah pertimbangan sebanyak RM150.1 juta; dan
 - (iii) JCD: 425 ekar tanah bagi jumlah pertimbangan sebanyak RM171.3 juta.
- (b) Pada 2 Ogos 2012, Johor Corporation telah memeterai satu Perjanjian Konsesi ("PK") dan Perjanjian Pajakan ("PP") (secara kolektif dikenali sebagai "Perjanjian") dengan syarikat anaknya, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"). Perjanjian telah disempurnakan pada 1 Julai 2013. PK dengan TLP tersebut menyatakan bahawa Johor Corporation adalah pemilik sah dan pemilik manfaat kawasan pelabuhan dan aset-aset yang terletak di Tanjung Langsat Port.

Johor Corporation telah memberikan kepada TLP hak untuk mempromosikan, membangun, melaksana, mengurus dan menyelenggara penyediaan kemudahan dan perkhidmatan untuk tempoh 30 tahun. Pembayaran konsesi tahunan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah RM22 juta (2013 hingga 2014), yang mana akan dikaji semula setiap 5 tahun.

Sehubungan dengan itu, PP telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada tarikh yang sama, menyatakan bahawa Johor Corporation ("pemberi pajak") telah memberikan TLP ("penerima pajak") hak untuk mempromosi, membangun, melaksana, mengurus dan menyelenggara penyediaan kemudahan dan perkhidmatan di pelabuhan untuk tempoh 30 tahun. Sewa pajakan tahunan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah RM1 (2013 hingga 2042) bagi tempoh yang dipersetujui dalam PK.

- (c) Pada 12 Oktober 2012, Johor Corporation memeterai Perjanjian Hak Pembangunan ("Perjanjian") dengan syarikat anaknya, TPM Technopark Sdn Bhd ("TPM"), dimana Johor Corporation sebagai pemilik manfaat tanah berukuran 150.07 ekar, telah memberikan TPM hak mutlak dan eksklusif untuk membangunkan tanah tersebut. TPM bersetuju untuk membangunkan tanah tersebut dan Johor Corporation bersetuju bahawa TPM adalah berhak untuk menjual lot-lot dalam pembangunan pada harga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh TPM dan seterusnya menuntut, menyimpan dan memungut hasil daripada penjualan tanah tersebut ke dalam akaun Johor Corporation. Johor Corporation berhak untuk menerima dari TPM sejumlah RM45.8 juta sebagai Pertimbangan Projek. Perjanjian ini telah disempurnakan dalam tahun semasa sebaik sahaja ia memenuhi syarat terdahulu seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian.
- (d) Pada 1 Jun 2013, Johor Corporation memeterai Perjanjian Hak Pembangunan ("Perjanjian") dengan syarikat anaknya, TPM Technopark Sdn Bhd ("TPM"), dimana Johor Corporation sebagai pemilik manfaat tanah berukuran 674,118 ekar, telah memberikan TPM hak mutlak dan eksklusif untuk membangunkan tanah tersebut. TPM bersetuju untuk membangunkan tanah tersebut dan Johor Corporation bersetuju bahawa TPM adalah berhak untuk menjual lot-lot dalam pembangunan pada harga yang dianggap sesuai oleh TPM dan seterusnya untuk menuntut, menyimpan dan memungut hasil daripada penjualan tanah tersebut ke dalam akaun Johor Corporation. Johor Corporation berhak untuk menerima daripada TPM seperti berikut:
- (i) Sejumlah RM202.2 juta sebagai projek pertimbangan.
 - (ii) Keuntungan perkongsian tertakluk kepada harga jualan sebenar yang wujud, keluasan yang dinyatakan dan penutupan akaun jualan tahunan, yang kena dibayar pada akhir tahun dan tertakluk kepada penyelesaian kutipan jualan.

Perjanjian ini telah disempurnakan dalam tahun semasa sebaik sahaja ia memenuhi syarat terdahulu seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

1. Johor Corporation (sambungan)

- (e) Pada 5 April 2013, Syarikat Perumahan Negara Berhad (“SPNB”), Johor Corporation dan Sri Gading Land Sdn Bhd (“Sri Gading”) telah menandatangani Perjanjian Penyelesaian (“Perjanjian”) berkenaan dengan cadangan projek “usahasama” antara SPNB dan Johor Corporation dalam membangunkan Tanah Sri Gading. Projek ini telah tertangguh sejak tahun 2009 disebabkan oleh SPNB tidak membangunkan tanah ini kerana ia gagal untuk membayar sepenuhnya pertimbangan pembelian tanah kepada Johor Corporation (“Penjual”). Semua pihak secara bersama bersetuju bahawa jumlah penyelesaian Perjanjian adalah sebanyak RM38.6 juta. Pada masa yang sama, pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, Johor Corporation juga menandatangani Perjanjian Hak Pembangunan dengan syarikat anaknya, Johor Land Berhad (“JLand”) seperti yang dinyatakan dalam Nota 41(1)(f).
- (f) Pada 5 April 2013, Perjanjian Hak Pembangunan (“Perjanjian”) telah dibuat antara Johor Corporation dan Johor Land Berhad (“JLand” atau “Pemaju”). Johor Corporation adalah pemilik berdaftar atas tanah berkeluasan 160 ekar tersebut, telah memberikan kepada Pemaju, hak eksklusif untuk membangunkan Projek pada kos jualan dan perbelanjaan Pemaju, dan Pemaju mempunyai hak atas penjualan Premis dibangunkan atas tanah yang dimaksudkan. Johor Corporation berhak untuk menerima daripada JLand sejumlah RM43.5 juta sebagai Pertimbangan Projek. Perjanjian ini telah disempurnakan berkuatkuasa serta merta seperti tarikh yang dinyatakan di atas.

2. Johor Paper & Publishing Sdn Bhd (“JPP”)

- (a) Pada 20 November 2013, Jedcon Engineering Survey Sdn Bhd (“JCS”) telah mendapat kemudahan pinjaman jangka pendek sehingga RM50 juta (“kemudahan”) dari sebuah bank berlesen. Tujuannya adalah bagi pendahuluan kepada Johor Corporation untuk membiayai langganan kelayakan saham hak, secara langsung dan tidak langsung, di bawah terbitan hak yang dicadangkan sehingga 43,962,072 unit saham (“Saham Hak”) KPJ Healthcare Berhad (“KPJ”) percuma atas dasar 1 hak saham untuk setiap 15 saham KPJ yang dipegang pada tarikh kelayakan beserta dengan sehingga 87,924,144 unit waran baru boleh pisah (“waran”) percuma atas dasar 2 waran bagi setiap 1 saham hak melanggan (“Terbitan Cadangan Hak”). Pinjaman tersebut masih belum dikeluarkan pada akhir tahun ini.
- (b) Pada 8 Julai 2013, Langsung Marine Base Sdn Bhd (“LMB”) telah memeterai usaha sama merangkap perjanjian pemegang saham dengan syarikat anak dan syarikat berdaftar yang lain. Usaha sama itu adalah untuk pembangunan, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan sebuah pangkalan bekalan pengguna bersama di Tanjung Langsung. Sebagai syarat dalam perjanjian usaha sama, LMB telah memeterai perjanjian penyewaan dengan sebuah syarikat konsesi untuk memberikan penyewaan atas terma yang dipersetujui ke atas tanah konsesi dalam tempoh konsesi.
- (c) Dalam tahun kewangan, LMB telah memeterai perjanjian pajakan dengan pihak Johor Corporation untuk pajakan tanah konsesi seluas lebih kurang 50 ekar di Mukim Sg. Tiram, Daerah Johor Bahru. Sewa pajakan berjumlah RM120 juta itu akan dibayar secara agregat bagi jangka masa tempoh pajakan.

3. Kulim (Malaysia) Berhad (“KMB”)

- (a) Pengambilalihan aset perladangan daripada Johor Corporation

Pada 16 Ogos 2011, KMB telah mengumumkan cadangan pengambilalihan aset perladangan daripada Johor Corporation oleh Mahamurni Plantations Sdn Bhd (“MPSB”), syarikat anak milik penuh KMB untuk balasan tunai sebanyak RM700 juta. Aset perladangan tersebut terdiri daripada enam (6) ladang (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang (termasuk loji dan jentera mereka) yang didirikan di atasnya), semuanya terletak di dalam negeri Johor dengan jumlah keluasan tanah yang berukuran kira-kira 13,687 hektar.

Pengambilalihan tersebut diselesaikan melalui perjanjian jual beli (“PJB”):

- (i) Perjanjian Jual Beli (“PJB”) antara MPSB dan Johor Corporation bagi pengambilalihan ladang kelapa sawit dan (bersama-sama dengan semua bangunan yang dibina di atasnya bersama aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam ladang kelapa sawit) yang dikenali sebagai Ladang Sungai Papan untuk balasan tunai sebanyak RM183,300,000 dan PJB antara MPSB dan JCorp Hotels and Resorts Sdn Bhd (“JHR SB”) (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Penambang (J) Sdn Bhd), sebuah syarikat anak milik penuh Johor Corporation, bagi pengambilalihan tanah perladangan kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan yang didirikan di atasnya bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam lingkungan tanah kelapa sawit) yang dikenali sebagai “Sebahagian Ladang Siang” untuk balasan tunai sebanyak RM191,600,000. Pembayaran telah dilaksanakan pada 31 Disember 2011;

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

3. Kulim (Malaysia) Berhad (“KMB”) (sambungan)

- (a) Pengambilalihan aset perladangan daripada Johor Corporation (sambungan)

Pengambilalihan tersebut diselesaikan melalui perjanjian jual beli (“PJB”) (sambungan):

- (ii) PJB antara MPSB dan Johor Foods Sdn Bhd (“JFSB”), sebuah syarikat anak milik penuh Johor Corporation, bagi cadangan pengambilalihan tanah yang kini diusahakan dengan penanaman kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang kelapa sawit (“Kilang Palong”) didirikan di atasnya (bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam tanah dan Kilang Palong)) yang dikenali sebagai “Ladang Mungka, Kemedak dan Palong” untuk balasan tunai sebanyak RM253,317,000. Pembayaran telah dijelaskan pada 31 Mei 2012. Ini adalah transaksi akhir yang menandakan penyiapan keseluruhan pengambilalihan; dan
- (iii) PJB antara MPSB dan Johor Corporation bagi cadangan tanah yang sedang diusahakan dengan penanaman kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang minyak sawit (“Kilang Pasir Panjang”) didirikan di atasnya (bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam tanah dan Kilang Pasir Panjang)) yang dikenali sebagai “Sebahagian Ladang Pasir Panjang” untuk balasan tunai sebanyak RM71,783,000. Pembayaran telah dijelaskan pada 7 Februari 2013.

- (b) Pelupusan QSR Brands Berhad (“QSR”) dan syarikat-syarikat anaknya

Pada 14 Disember 2011, QSR telah mengumumkan bahawa ia telah menerima surat tawaran daripada Massive Equity Sdn Bhd (“MESB”) di mana MESB berhasrat untuk mengambil alih sebahagian besar perniagaan dan operasi QSR, termasuk sebahagian besar aset dan liabiliti QSR yang, pada jumlah agregat bersamaan dengan:

- (i) RM6.80 bagi setiap saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang dalam QSR (“Saham QSR”) didarab dengan jumlah Saham QSR yang belum dijelaskan (tolak saham perbendaharaan, jika ada) pada satu tarikh yang akan ditentukan kemudian; dan
- (ii) RM3.79 bagi setiap waran QSR (“Waran QSR”) didarab dengan jumlah bilangan Waran QSR yang belum dijelaskan dalam terbitan pada tarikh yang akan ditentukan kemudian.

(selepas ini dirujuk sebagai “Tawaran QSR”).

MESB juga pada tarikh yang tersebut telah membuat tawaran untuk memperolehi keseluruhan perniagaan dan mengambilalih KFC Holdings (Malaysia) Bhd (“KFC”), termasuk semua aset dan liabiliti KFC (“Tawaran KFC”). Tawaran QSR dan Tawaran KFC adalah saling bersyarat. Pada 18 Mei 2012, QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Triple Platform Sdn Bhd) (“QSRB”), sebuah syarikat anak milik penuh MESB, bagi pihak MESB, telah memeterai Perjanjian Penjualan Perniagaan dengan QSR berkaitan Tawaran QSR (“Transaksi QSR”). QSRB juga memeterai Perjanjian Penjualan Perniagaan dengan KFC berkaitan Tawaran KFC (“Transaksi KFC”). Transaksi QSR dan Transaksi KFC adalah saling bersyarat.

Kedua-dua transaksi telah diluluskan oleh pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 5 dan 6 November 2012 masing-masing dan kedua-dua transaksi telah disempurnakan pada 21 Januari 2013. Berikutan selesainya transaksi, kedua-dua QSR dan KFC tidak lagi menjadi syarikat anak Kumpulan KMB dan telah dinyahsenaraikan daripada Papan Utama Bursa Securities Berhad pada 7 Februari 2013.

- (c) Cadangan pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam New Britain Palm Oil Limited (“NBPOL”)

Pada 20 Jun 2013, Kumpulan KMB mengumumkan hasratnya untuk membuat tawaran separa untuk 30,009,621 saham biasa dalam NBPOL yang mewakili 20% daripada modal saham terbitan dan berbayar NBPOL yang belum dimiliki oleh KMB (“Tawaran Saham”) untuk GBP5.50 setiap Tawaran Saham untuk pertimbangan tunai kira-kira GBP165.05 juta (yang bersamaan dengan kira-kira RM812.30 juta) selaras dengan Kod PNG (“Tawaran Separata”). Tawaran Separata, jika diterima sepenuhnya, akan meningkatkan pegangan saham Kulim dalam NBPOL daripada 48.97% kepada 68.97%.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

3. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)

- (c) Cadangan pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL") (sambungan)

Pada 20 Ogos 2013, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa ia telah menerima arahan melalui surat daripada Suruhanjaya Sekuriti Papua New Guinea ("PNG") menahan KMB daripada mengambil tindakan selanjutnya untuk melengkapkan Tawaran Separa ("Perintah").

Pada 5 September 2013, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa Tawaran Separa telah luput sejak pemohonannya kepada Mahkamah Kebangsaan PNG untuk meningkatkan Perintah tidak berjaya.

Oleh kerana di atas, semua penerimaan yang diterima mengikut Tawaran Separa adalah secara automatik tidak sah dan telah dikembalikan kepada pemegang saham NBPOL masing-masing.

- (d) Pengambilalihan syarikat anak di Indonesia, PT Wisesa Inspirasi Nusantara ("PT WIN")

Pada 3 Oktober 2013, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu Memorandum Persefahaman dengan PT Graha Sumber Berkah ("PT GSB") untuk meneroka kemungkinan bekerjasama dalam penanaman kelapa sawit dan perniagaan hulu dan hiliran minyak dan gas di Kalimantan, Indonesia. Pada tarikh yang sama, Kumpulan KMB juga mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu Perjanjian Penjualan Saham Bersyarat ("CSSA") dengan PT GSB berhubung dengan cadangan pengambilalihan 75% kepentingan ekuiti dalam PT Wisesa Inspirasi Nusantara ("PT WIN") dan syarikat-syarikat anaknya untuk pertimbangan sehingga USD43.44 juta (kira-kira RM138.86 juta). PT Win adalah syarikat tujuan khas untuk pelaksanaan cadangan usaha Kumpulan KMB ke dalam penanaman kelapa sawit di Kalimantan, Indonesia.

Pada 17 Februari 2014, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa ia telah mendapat kelulusan yang diperlukan daripada pengawal selia yang berkaitan di Indonesia ke atas cadangan pelaburannya dalam PT WIN, tertakluk kepada, antara syarat-syarat lain, KMB hendaklah memegang 74% daripada jumlah modal terbitan dan membayar modal saham PT WIN dan selebihnya 26% dipegang oleh PT GSB.

Selaras dengan keperluan pegangan saham lain yang dikenakan oleh pengawal selia Indonesia, KMB dan PT GSB bersetuju untuk transaksi berikut:

- (i) pemindahan 3,326,338 Saham-saham PT WIN daripada PT GSB dan 1,000 Saham-saham PT WIN daripada pihak lain kepada KMB menurut Surat Jualan Beli Saham bertarikh 10 Januari 2014, untuk pertimbangan tunai lebih kurang USD17.14 juta (bersamaan lebih kurang RM56.98 juta) ("Transaksi Saham");
- (ii) terbitan 4,991,007 Saham baru PT WIN untuk dilanggan oleh Kulim pada nilai par yang nominal IDR1,000 setiap Saham PT WIN, untuk pertimbangan tunai sebanyak IDR4.99 bilion (bersamaan lebih kurang RM1.37 juta) ("Terbitan Saham") (Transaksi Saham dan Terbitan Saham secara kolektif dirujuk sebagai "Pegambilalihan"); dan
- (iii) suntikan oleh KMB lebih kurang USD25.30 juta (bersamaan lebih kurang RM84.11 juta) ke dalam PT WIN dan atau syarikat-syarikat anaknya sebagai modal kerja untuk memperoleh hakmilik tanah perladangan di Kalimantan, Indonesia ("Pelaburan Seterusnya").

Jumlah pelaburan di bawah Pegambilalihan dan Jumlah Pelaburan Seterusnya lebih kurang USD42.86 juta (bersamaan lebih kurang RM142.46 juta).

Berikutan syarat-syarat terdahulu CSSA dan pelaksanaan Perjanjian Pemegang Saham antara KMB dan PT GSB telah dipenuhi, pemindahan/langganan Saham PT WIN telah dilaksanakan pada 14 Februari 2014, dengan itu PT WIN menjadi syarikat anak Kumpulan KMB.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

4. Damansara Realty Berhad (“DBhd”)

Pada 6 Mac 2014 DBhd telah menerima surat pemberitahuan daripada Johor Corporation dan satu salinan notis akhbar bertarikh 6 Mac 2014 (“Notis Akhbar”) dari Seaview Holdings Sdn Bhd (“Seaview”), di mana DBhd telah diberitahu bahawa pada 6 Mac 2014 Seaview dan Penjual telah memeterai perjanjian jualan saham bersyarat (“SSA”) berkenaan dengan cadangan pengambilalihan oleh Seaview terdiri daripada 157,780,000 saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu dalam DBhd (“Saham DBhd”) (“Saham Jualan”), yang mewakili kira-kira 51.0% kepentingan ekuiti dalam DBhd, dari Penjual untuk pertimbangan tunai sebanyak RM78,890,000 (“Pertimbangan Belian”) atau RM0.50 bagi setiap Jualan Saham (“Cadangan Pengambilalihan”).

Terma-terma SSA adalah seperti berikut:

(i) Perjanjian untuk menjual Penjualan Saham tersebut

Cadangan Pemerolehan ini tertakluk kepada penunaian syarat-syarat terdahulu yang terkandung dalam SSA dan atas terma dan syarat di dalamnya. Penjualan saham tersebut hendaklah diperolehi, bebas dari semua lien, caj, sandaran, ekuiti, gadaian dan apa-apa bebanan jua dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam SSA, dengan semua hak dan kelebihan yang disertakan bersama atau terakru di atasnya termasuk semua dividen dan pengagihan yang diisytiharkan, dibayar atau dibuat berkenaan pada atau selepas Tarikh Penyelesaian (seperti yang ditakrifkan).

(ii) Pertimbangan Belian

Pertimbangan Belian hendaklah dibayar mengikut cara yang berikut:

- Sepuluh peratus (10%) daripada Harga Belian berjumlah RM7,889,000 akan dibayar dalam bentuk tunai kepada Penjual (“Bayaran Pertama”) apabila SSA ditandatangani;
- Sepuluh peratus (10%) lagi daripada Harga Belian berjumlah RM7,889,000 akan dibayar dalam bentuk tunai kepada Penjual (“Bayaran Kedua”) pada hari ketiga (ke-3) perniagaan dari Tarikh Berkuatkuasa (seperti yang ditakrifkan di bawah) atau tarikh lain yang akan dipersetujui bersama (“Tarikh Siap”) (“Tarikh Bayaran Kedua”); dan
- Baki lapan puluh peratus (80%) daripada Harga Belian berjumlah RM63,112,000 (“Baki Bayaran”) hendaklah dibayar secara tunai kepada Penjual pada atau sebelum tamat tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh SSA (tarikh akhir tempoh 12 bulan hendaklah dikenali sebagai “Tarikh Bayaran Ketiga”). Tarikh Bayaran Ketiga hendaklah dibuat tidak lewat dari 5 Mac 2015.

(iii) Syarat Terdahulu

Cadangan Pengambilalihan ini tertakluk kepada dan atau bersyarat atas pemenuhan dan atau kepuasan daripada yang berikut dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh SSA (“Tempoh Bersyarat”) dengan syarat bahawa Tempoh Bersyarat boleh dilanjutkan dengan persetujuan bersama daripada Penjual dan Pembeli:

- keputusan yang memuaskan pada pendapat yang munasabah Pembeli daripada pelaksanaan ketekunan wajar terhad kepada DBhd yang dijalankan oleh Pembeli dan ejen Pembeli sebagaimana skop yang dipersetujui di antara Penjual dan Pembeli;
- memenuhi syarat-syarat terdahulu kepada pengeluaran pinjaman bagi maksud membiayai tawaran am mandatori (“MGO”) yang akan dijalankan oleh Pembeli berikutan pembelian Penjualan Saham tersebut;
- kelulusan oleh Lembaga Pengarah dan, jika berkenaan, pemegang saham Pembeli, bagi pembelian Penjualan Saham tersebut oleh pembeli mengikut terma SSA;
- kelulusan oleh Lembaga Pengarah dan pemegang saham (jika berkenaan) Penjual, bagi pelupusan Penjualan Saham tersebut oleh Penjual mengikut terma SSA;
- kelulusan atau persetujuan daripada Menteri Kewangan dan/atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan/atau penguatkuasa berkaitan atau pihak berkuasa bagi Cadangan Pengambilalihan;

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

4. Damansara Realty Berhad (“DBhd”) (sambungan)

(iii) Syarat Terdahulu (sambungan)

- kelulusan atau pemberitahuan kepada pemberi pinjaman sedia ada Penjual untuk Cadangan Pengambilalihan, jika berkenaan; dan
- pelaksanaan memorandum mencagarkan Saham Dicagar (seperti yang ditakrifkan di bawah) oleh Pembeli.

Pada tarikh laporan ini, pelupusan tersebut masih belum selesai.

5. Tanjung Langsung Port Sdn Bhd (“TLP”)

(a) Pada 17 Ogos 2008, satu kebakaran telah berlaku pada Tank 1 (T-1) yang terletak di Tanjung Langsung Port dan dimiliki oleh Tanjung Langsung Port Sdn Bhd (“TLP”). Tangki tersebut mengandungi 17,800 meter padu gasolin tanpa plumbum. Pada hari kedua, api telah merebak ke Tank 2 (T-2) yang mengandungi 11,200 meter padu Naptha. Api itu akhirnya berjaya dipadamkan pada 20 Ogos 2008.

Semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, TLP menyerahkan tuntutan insuran kepada syarikat insuran untuk perbelanjaan pemadaman api, perbelanjaan pembaikan kemudahan berdekatan yang terjejas, pembinaan semula tangki, pemulihan kemudahan sedia ada dan kerugian yang terlibat.

TLP telah melantik kontraktor untuk membina semula T-1 dan T-2. Walau bagaimanapun, pembinaan tangki simpanan telah ditangguhkan sehingga selesai pembuangan sisa dan kerja-kerja meroboh, pemeriksaan oleh pihak insuran dan pihak berkuasa yang berkaitan. Pengurusan TLP menjangkakan bahawa sebahagian daripada operasi tangki simpanan akan disambung semula pada Jun 2013.

TLP sedang aktif berbincang dengan syarikat insuran dan telah melantik peguam untuk tindakan susulan bagi pihak mereka. Perkara itu telah dirujuk kepada timbang tara dan ditetapkan untuk didengar dari 21 hingga 23 Mei 2014 dan 26 hingga 30 Mei 2014. Pihak-pihak terlibat kini di dalam proses mematuhi arahan-arahan prosedur pihak Tribunal.

(b) Pada 28 Disember 2011, Lembaga Pengarah TLP telah dimaklumkan mengenai cadangan pengambilalihan hartanah, loji dan peralatan tertentu oleh Johor Corporation.

Cadangan pengambilalihan adalah sebahagian daripada skim penstrukturan semula jangka masa panjang sepertimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Skim ini, antara lain, melibatkan pembiayaan semula pinjaman sedia ada TLP.

Cadangan pengambilalihan seperti yang disebutkan di atas adalah tertakluk kepada penyelesaian skim pembiayaan semula. Pada 2 Ogos 2012, TLP telah memeterai Perjanjian Pengambilalihan Aset dan Perjanjian Konsesi dengan Johor Corporation berhubung skim yang dicadangkan.

Skim yang dicadangkan telah selesai pada 24 Jun 2013.

6. Larkin Sentral Management Sdn Bhd (“LSM”)

(a) Dalam tahun 2004, sebuah syarikat anak tidak langsung Kumpulan, LSM telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak, yang mana boleh diperbaharui setiap tahun, dengan Pelaburan Johor Berhad (“PJB”) dan Amanah Raya Berhad (“ARB”), yang mana masing-masing adalah pemegang amanah bagi kedua-dua Amanah Saham Johor (“ASJ”) dan Dana Johor (“DJ”) untuk pelaksanaan satu skim untuk pemegang-pemegang kedua-dua unit ASJ dan DJ. Di bawah skim ini, para pemegang unit boleh memohon untuk membeli semula sehingga lima ratus unit atau 10% daripada pegangan saham semasa dalam ASJ dan DJ, yang mana lebih tinggi untuk harga pembelian semula sebanyak RM1 dan RM0.50 masing-masing untuk setiap unit ASJ dan DJ. Dalam skim ini, peranan syarikat anak tidak langsung Kumpulan adalah untuk membeli unit-unit baru saham ASJ dan DJ daripada PJB yang mana PJB perlu membeli semula daripada para pemegang unit ASJ dan DJ. Skim ini juga membenarkan para pemegang unit untuk menjual semula unit-unit tersebut pada harga sebagaimana yang disebut terdahulu sehingga jumlah maksima 10% daripada jumlah pegangan unit setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

6. Larkin Sentral Management Sdn Bhd (“LSM”) (sambungan)

- (a) Pada Jun 2008, skim ASJ telah dihentikan dan semenjak dari itu, ARB telah menguruskan unit amanah tersebut.

Sebelum tahun 2012, LSM telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak kesepuluh dengan PJB dan ARB untuk pembelian semula DJ. Dalam tahun 2012, LSM telah menandatangani dua lagi perjanjian tiga pihak (kali ke sebelas dan dua belas) dengan PJB dan ARB untuk pembelian semula DJ. Di bawah perjanjian ini, PJB akan menawarkan pembelian semula sebahagian unit DJ yang telah dipersetujui daripada para pemegang unit.

Perjanjian ke dua belas dan terakhir bertarikh 26 Jun 2012 telah dipinda dimana LSM bersetuju bahawa semua unit DJ dibeli oleh LSM dalam tempoh di antara 2 Julai 2012 hingga 1 Julai 2013 (selepas ini dirujuk sebagai “Unit yang dimaksudkan”) adalah sebagai ejen membeli bagi pihak Johor Corporation, pada harga yang dipersetujui RM1.00 seunit dan LSM yang memegang unit yang dimaksudkan atas amanah untuk pihak Johor Corporation di mana Johor Corporation adalah pemilik sepenuhnya manfaat unit yang dimaksudkan tersebut. Pada 10 Mei 2013, perjanjian ketiga belas telah dimeterai di mana syarikat LSM bersetuju untuk melanjutkan tempoh yang berkaitan dengan pembelian unit-unit tersebut yang asalnya tamat pada 1 Julai 2013 kepada 31 Disember 2013. Syarat-syarat lain tidak berubah.

Pada 31 Disember 2013, LSM adalah bertanggungjawab sehingga ke unit-unit DJ selebihnya dalam edaran di bawah skim ini. Sekiranya kesemua unit baki DJ ini pada tahun kewangan berakhir telah dibeli semula atas andaian bahawa harga pasaran DJ untuk seunit adalah kosong, jumlah maksima pembelian semula adalah berjumlah RM69,009,382 (2012: RM111,987,246). Tiada peruntukan dibuat untuk liabiliti yang terbit daripada skim tersebut dalam penyata kewangan akibat daripada kewujudan perubahan-perubahan yang terlibat seperti harga pasaran pada tarikh pembelian semula dan bilangan unit untuk dibeli semula, yang mana ianya belum boleh ditentukan.

7. Damansara Assets Sdn Bhd (“DASB”)

Pada 7 Januari 2009, DASB telah memeterai Perjanjian Usaha Sama (“PUS”) dengan syarikat anaknya, Bukit Damansara Development Sdn Bhd (“BDDSB”) dan pihak ketiga, Impian Ekspresi Sdn Bhd (“IESB”). Menurut kepada PUS, IESB akan memperolehi dan membangunkan Kompleks Pusat Bandar Damansara (“PBD”) dan sebidang tanah yang terletak berhampiran. Sebagai balasan, BDDSB berhak untuk menerima wang tunai sebanyak RM500 juta dan;

- (a) 500,000 kaki persegi ruang pejabat di dalam bangunan pejabat, yang akan dibina didalam cadangan pembangunan PBD dan tanah berhampiran;
- (b) Kelayakan menerima ruang pejabat dengan nilai pasaran sebanyak RM200 juta jika pembangunan yang dicadangkan dijalankan di tapak PBD sahaja.

Pada 31 Januari 2011, Damansara Assets Sdn Bhd (“DASB”) telah memeterai Perjanjian Tambahan (“PT”) dengan IESB, untuk meminda atau menambah fasal kepada Perjanjian Usaha Sama (“PUS”). Menurut PT, semua pihak saling bersetuju bahawa Syarat Terdahulu yang masih belum dipenuhi pada 31 Januari 2011 telah digantung dan telah dijadikan Syarat Seterusnya untuk dipenuhi tidak lewat daripada 28 Februari 2011.

Satu Syarat Seterusnya adalah untuk melaksanakan Perjanjian Jual Beli (“PJB”) dengan Kuan Choo Property Management Sdn. Bhd. (pemilik berdaftar dan pemaju VSQI), Malton Berhad (pemilik berdaftar VSQII) dan Pembinaan Gapadu Berhad (pemaju VSQII) untuk melupuskan VSQI dan VSQII sebagai balasan bagi hak untuk mendapat ruang pejabat dengan nilai pasaran sebanyak RM200 juta kepada DASB sebagaimana yang diperuntukkan dalam PUS itu.

Oleh kerana semua Syarat Seterusnya tidak dipenuhi pada atau sebelum tamat tempoh PT pada 28 Februari 2011, PJB tersebut tidak dilaksanakan dan pelupusan hartanah pelaburan adalah terbatal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

7. Damansara Assets Sdn Bhd (“DASB”) (sambungan)

Pada 25 November 2012, IESB, Khuan Choo Property Management Sdn Bhd dan Pembinaan Gapadu Berhad (“Plaintif”) telah memulakan saman pelaksanaan spesifik terhadap DASB dan syarikat-syarikat anak (“Defendan”) atas tuduhan gagal untuk memenuhi Syarat Terdahulu dan Syarat Seterusnya menurut Perjanjian Usaha Sama (“PUS”) bertarikh 7 Januari 2009 dan Perjanjian Tambahan bertarikh 31 Januari 2012. Plaintif menuntut ganti rugi berjumlah RM67,633,528 sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada pelaksanaan spesifik. Ini termasuk deposit sebanyak RM50,000,000 yang dibayar oleh IESB kepada syarikat-syarikat anak di bawah PUS. Defendan telah memfailkan pembelaan mereka pada 27 Disember 2012. Syarikat anak telah dimaklumkan bahawa ia mempunyai peluang yang secara relatifnya sama untuk mempertahankan saman itu dan seterusnya tiada peruntukan dibuat untuk tuntutan.

Pada 10 Mei 2013, DASB dan BDDSB telah memeterai satu Perjanjian Jual dan Beli dengan IESB untuk melupuskan hartanah pelaburan di Lot 54325, Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur bagi pertimbangan berikut, berjumlah RM700 juta:

- (a) hak penerimaan tunai RM500 juta;
- (b) hak penerimaan 2 ruang pejabat berjumlah RM200 juta;
 - (i) hak ruang pejabat pertama adalah sebuah bangunan pejabat 20 tingkat di Petaling Jaya, pada nilai RM140 juta; dan
 - (ii) hak ruang pejabat kedua adalah ruang pejabat berkeluasan 80,000 kaki persegi di kawasan pembangunan semula di kompleks PBD.

Pelupusan ini telah diselesaikan pada 29 November 2013.

Pada 11 Disember 2013, IESB telah memperolehi perintah mahkamah daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk rumusan terhadap DASB dan BDDSB ditarik balik dengan tiada perintah dan tiada kos hasil dari penyempurnaan pelupusan tersebut.

8. KPJ Healthcare Berhad (“KPJHB”)

- (a) Cadangan pengambilalihan tanah pegangan pajak oleh Pahang Specialist Hospital Sdn Bhd (“PSHSB”)

Pada 22 Jun 2011, PSHSB, syarikat anak milik penuh Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd (“KPJSB”), bercadang untuk mengambil alih tanah pajakan 3.12 ekar untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM3,756,750 yang akan dipenuhi melalui terbitan sebanyak 3,756,750 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam PSHSB.

Cadangan pengambilalihan telah selesai pada 3 Mac 2013.

- (b) Cadangan pengambilalihan sebanyak 80% kepentingan ekuiti dalam PT Khidmat Perawatan Jasa Medika (“PT KPJ Medika”) oleh KPJSB.

Pada 23 Mac 2012, KPJSB menerima tawaran untuk mengambilalih sehingga 80% kepentingan ekuiti dalam PT KPJ Medika daripada Johor Corporation untuk pertimbangan tunai sebanyak RM15,840,000.

Pada 9 Julai 2012, KPJSB telah memeterai Perjanjian Jualan Saham bersyarat (“SSA”) dengan Johor Corporation berhubung dengan cadangan pengambilalihan itu.

Cadangan pengambilalihan itu telah selesai pada 7 Mac 2013.

- (c) Cadangan pengambilalihan oleh Pharmaserve Alliances Sdn Bhd (“PASB”) sebuah bangunan pejabat 3 tingkat dengan satu tingkat gudang.

Pada 1 Jun 2012, PASB, syarikat anak milik penuh KPJSB telah mencadangkan untuk mengambilalih sebuah bangunan pejabat 3 tingkat bersama-sama dengan setingkat gudang dari Lewre International Sdn Bhd (“Lewre”) dengan pertimbangan pembelian sebanyak RM14,200,000.

Cadangan pengambilalihan tersebut telah selesai pada 16 Januari 2013.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

8. KPJ Healthcare Berhad (“KPJHB”) (sambungan)

- (d) Cadangan penjualan dua (2) bidang tanah oleh Puteri Specialist Hospital (Johor) Sdn Bhd (“PSH”)
- Pada 8 Ogos 2012, PSH, syarikat anak KPJ, telah mencadangkan untuk melupuskan dua (2) bidang tanah, keduanya terletak di bandar Johor Bahru, Daerah Johor Bahru, Negeri Johor kepada Al-'Aqar Healthcare REIT (“Al-'Aqar”) untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM3,590,000 sepenuhnya dalam wang tunai.

Cadangan pelupusan dijangka siap pada suku kedua tahun 2014.

- (e) Cadangan pengambilalihan sebanyak 100% kepentingan ekuiti di Sri Manjung Specialist Centre (“SMSC”) oleh Ipoh Specialist Hospital Sdn Bhd (“ISH”)

Pada 12 September 2012, ISH, sebagai sebuah syarikat anak KPJ, dicadangkan untuk mengambil alih 100% kepentingan ekuiti dalam SMSC bersamaan dengan jumlah 900,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu untuk pertimbangan tunai sebanyak RM14,250,000.

Cadangan pengambilalihan itu telah disempurnakan pada 23 Mei 2013.

- (f) Cadangan penggabungan terbitan baru sekuriti KPJ

Pada 29 Julai 2013, Lembaga Pengarah KPJ memaklumkan bahawa KPJ bercadang untuk menjalankan aktiviti yang berikut:

- (i) Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi dan penyenaian dan sebut harga sehingga 87,937,732 waran baru yang akan diterbitkan selaras dengan Cadangan Terbitan Hak;
- (ii) Penyenaian dan sebut harga sehingga 329,766,497 saham bonus yang akan diterbitkan selaras dengan terbitan bonus yang dicadangkan;
- (iii) Penyenaian dan sebut harga sehingga 43,968,866 saham hak yang akan diterbitkan selaras dengan penerbitan hak yang dicadangkan;
- (iv) Penyenaian dan sebut harga sehingga 2,885,736 waran tambahan yang akan diterbitkan mengikut pelarasan yang dibuat mengikut peruntukan Surat Ikatan Pol 2009 hasil daripada cadangan terbitan bonus dan cadangan terbitan hak;
- (v) Penyenaian dan sebut harga sehingga 87,937,732 saham baru KPJ untuk diterbitkan selaras dengan pelaksanaan waran baru dan penyenaian sebut harga iklan sehingga 2,885,736 saham KPJ baru yang akan diterbitkan selaras dengan pelaksanaan waran tambahan;
- (vi) Pertambahan modal saham yang dibenarkan di KPJ daripada RM500,000,000 terdiri daripada 1,000,000,000 saham KPJ untuk RM750,000 yang terdiri daripada 1,500,000,000 saham KPJ; dan
- (vii) Cadangan Pemindaan Memorandum dan Tataurus Pertubuhan KPJ.

Saham baru yang wujud daripada Terbitan Bonus, Terbitan Hak dan Waran Percuma hendaklah dilaksanakan apabila diperuntukkan dan diterbitkan, bertaraf “pari passu” dalam semua aspek.

Perlaksanaan Saham Bonus waran tambahan yang berbangkit daripada Terbitan Bonus telah selesai pada 27 Disember 2013.

Perlaksanaan Saham Hak dan Waran Baru dan juga waran tambahan yang berbangkit daripada Terbitan Hak telah dilaksanakan pada 29 Januari 2014.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

8. KPJ Healthcare Berhad (“KPJHB”) (sambungan)

- (g) Cadangan pengambilalihan 100% ekuiti dalam BDC Pakar Hospital Sdn Bhd (“BDC”) oleh KPJSB
- Pada 6 November 2013, KPJSB telah memeterai Perjanjian Jualan Saham bersyarat dengan Usaha Cendera Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Usaha Cendera Sdn Bhd) untuk pengambilalihan 2 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam BDC yang bersamaan dengan 100% daripada ekuiti BDC untuk pertimbangan tunai sebanyak RM16,516,144.

BDC adalah pemilik berdaftar bagi semua bidang tanah pegangan pajakan yang digambarkan sebagai Lot 18807 Blok 11 Muara Tebas Land District terletak di Stampin, Kuching, Sarawak seluas lebih kurang 1.918 hektar. Henry Butcher dalam laporan penilaian mereka bertarikh 11 Disember 2012 telah bernilai tanah berdasarkan nilai pasaran RM16,590,000.

Setelah cadangan pengambilalihan itu, BDC akan menjadi syarikat anak milik penuh KPJSB.

Cadangan pengambilalihan ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2014.

- (h) Cadangan pengambilalihan bangunan pejabat bertingkat oleh KPJSB
- KPJSB dan Danaharta Hartanah Sdn Bhd (“DHSB”) telah memeterai perjanjian penyewaan pada 11 September 2012 (“Perjanjian Penyewaan”) dimana DHSB telah dijamin melalui KPJSB pilihan untuk membeli bangunan pejabat bertingkat dikenali sebagai Menara 238 di No. 238 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Pada 10 Oktober 2013, KPJSB telah melaksanakan pilihan untuk membeli dan dengan itu, memeterai Perjanjian Jual dan Beli (“SPA”) dengan DHSB bagi jumlah pertimbangan tunai RM206,000,000.

Cadangan pengambilalihan telah selesai pada 10 Februari 2014.

- (i) Perjanjian Ikatan Cadangan yang dibuat antara KPJSB dan Father of the Nation Bangabandhu Sheikh Mujibur Rahman Memorial Trust (“FNBSMR”)

KPJSB pada 18 November 2013 telah memeterai Surat Ikatan Perjanjian dengan FNBSMR untuk memajak bangunan hospital 250 katil yang dikenali sebagai “Memorial Hospital Pakar KPJ Hospital Sheikh Fazilatunnessa Mujib” yang didirikan di atas sebidang tanah yang terletak kira-kira 50 kilometer dari Dhaka, Bangladesh. Bangunan hospital dibina dengan kos Tk2.15 bilion (bersamaan dengan RM87.5 juta).

Selaras dengan perjanjian itu, KPJSB syarikat penamanya KPJ Healthcare (Bangladesh) Private Limited (“KPJHBPL”), syarikat anak KPJSB di Bangladesh, akan menjadi pengendali berlesen daripada hospital tersebut. KPJHBPL akan ditubuhkan setelah memenuhi Syarat Terdahulu.

Cadangan pengambilalihan ini dijangka siap pada suku kedua tahun 2014.

9. Al-'Aqar Healthcare REIT (“Al-'Aqar”) dan syarikat anak

- (a) Sukuk Ijarah - Nota Jangka Sederhana Islam sebanyak RM268,500,000, yang pertama kali dikeluarkan pada tahun 2008 oleh syarikat tujuan khas milik dana, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd, telah berjaya ditebus pada bulan 6 Februari 2013. Selepas itu, pada 22 Februari 2013, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd telah menebus Sukuk Ijarah - Surat Perdagangan Islam sebanyak RM12,000,000. Penebusan itu telah dibiayai oleh pinjaman penyambung sebanyak RM280,000,000 yang diperolehi daripada institusi kewangan.
- (b) Pada 26 April 2013, pada Mesyuarat Agung Luar Biasa, pemegang unit dana telah meluluskan yang berikut:
- (i) Cadangan penubuhan yuran pelupusan 0.5% daripada harga pelupusan mana-mana hartat tanah pelaburan yang akan dilupuskan secara langsung atau tidak langsung oleh dana yang perlu dibayar apabila selesai penjualan; dan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

9. Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar") dan syarikat anak (sambungan)

- (b) Pada 26 April 2013, pada Mesyuarat Agung Luar Biasa, pemegang unit dana telah meluluskan yang berikut (sambungan):
 - (ii) Cadangan pindaan dan penyatuan Surat Ikatan Amanah dan Surat Ikatan Tambahan Amanah ke dalam Pindaan Surat Ikatan Amanah. Pindaan Surat Ikatan Amanah telah dilaksanakan pada 31 Julai 2013 dan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti pada 11 November 2013.
- (c) Pada 6 Mei 2013 dan 5 Ogos 2013, Kumpulan Al-'Aqar melalui syarikat anak, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd, telah menerbitkan Nota Jangka Sederhana Islam dibawah Program Sukuk Ijarah yang baru RM374,000,000 dan RM281,000,000 masing-masing pada nilai nominal sehingga RM1,000,000,000. Kemudahan tersebut dicagar melalui caj perundangan pihak ketiga di atas hartanah pelaburan milik dana.

42. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN UNTUK DITERBITKAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah mendapat kelulusan untuk diterbitkan selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah pada 6 Mac 2014.

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT- SYARIKAT USAHASAMA

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			2013 %	2012 %
1 BISNES ASAS				
A MINYAK SAWIT				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF				
Dami Australia Pty Ltd	Penanaman kelapa sawit, kelapa dan pembiakan lembu	Australia	27.10	27.19
EPA Management Sdn Bhd	Pemegang pelaburan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perunding peladangan	Malaysia	55.34	55.53
Kula Palm Oil Limited	Penanaman dan pemrosesan kelapa sawit	Papua New Guinea	21.68	21.75
Kulim (Malaysia) Berhad #	Perladangan kelapa sawit, pemegang pelaburan dan hartanah	Malaysia	55.34	55.53
Kulim Energy Sdn Bhd	Pemegang pelaburan dan perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
Kulim Plantations (Malaysia) Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
Kumpulan Bertam Plantations Berhad	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	52.29	52.47
Mahamurni Plantations Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
New Britain Nominees Limited	Beroperasi sebagai entiti undang-undang bagi pemilikan saham New Britain Palm Oil Ltd	Papua New Guinea	27.10	27.19
New Britain Oils Limited	Kilang penapis	United Kingdom	27.10	27.19
New Britain Palm Oil Limited \$	Perladangan kelapa sawit	Papua New Guinea	27.10	27.19
New Britain Plantation Services Pte Ltd	Penjualan tunas biji sawit	Singapura	27.10	27.19
Plantation Contracting Services Limited	Kontrak kerja-kerja tanah dan projek pembuatan jalan	Papua New Guinea	27.10	27.19
Poliamba Ltd	Penanaman kelapa sawit	Papua New Guinea	21.68	21.75
Pristine Bay Sdn Bhd	Pemegang pelaburan	Malaysia	77.22	77.32
PT Trimitra Kulim Agro Persada	Perkhidmatan pengurusan	Indonesia	55.34	55.53

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

(SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			2013 %	2012 %
1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)				
A MINYAK SAWIT (SAMBUNGAN)				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)				
Ramu Agri-Industries Limited	Penanaman kelapa sawit, tebu dan pengeluar lain-lain hasil pertanian	Papua New Guinea	27.10	27.19
Guadalcanal Plains Palm Oil Limited	Beroperasi sebagai entiti undang-undang bagi New Britain Palm Oil Ltd	Solomon Islands	21.68	21.75
Kulim Livestock Sdn Bhd	Pembiakan dan jualan lembu	Malaysia	55.34	55.53
JTP Montel Sdn Bhd	Penanaman pisang	Malaysia	55.34	55.53
JTP Trading Sdn Bhd	Perdagangan buah-buahan tropika	Malaysia	55.34	55.53
KCW Electrical Sdn Bhd	Perkhidmatan pemasangan elektrik	Malaysia	41.51	41.65
KCW Hardware Sdn Bhd	Pembekal perkakasan	Malaysia	41.51	41.65
KCW Kulim Marine Services Sdn Bhd	Penyelenggaraan marin	Malaysia	41.51	41.65
Kulim Topplant Sdn Bhd	Pengeluaran klon kelapa sawit	Malaysia	33.20	33.32
Selai Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
SIM Manufacturing Sdn Bhd	Pengilang dan wakil penjual pelbagai jenis produk getah dan barangan yang diperbuat daripada getah	Malaysia	49.81	49.98
The Secret of Secret Garden Sdn Bhd	Pemasaran dan perniagaan barangan penjagaan peribadi	Malaysia	55.34	55.53
Ulu Tiram Manufacturing Company (Malaysia) Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
United Malayan Agricultural Corporation Berhad	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
Cita Tani Sdn Bhd	Penanaman tebu	Malaysia	55.34	55.53
Kulim Safety Training and Services Sdn Bhd	Perkhidmatan dan latihan OSHA	Malaysia	55.34	55.53
Nexol (Malaysia) Sdn Bhd	Aktif	Malaysia	55.34	55.53
Panquest Ventures Limited	Aktif	British Virgin Island	55.34	55.53

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

(SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			2013 %	2012 %
1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)				
A MINYAK SAWIT (SAMBUNGAN)				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)				
Pembangunan Mahamurni Sdn Bhd	Pegangan pelaburan	Malaysia	55.34	55.53
Danamin (M) Sdn Bhd	Aktif	Malaysia	33.20	-
DQ In Sdn Bhd	Aktif	Malaysia	33.20	-
XCot Tech Sdn Bhd	Aktif	Malaysia	33.20	-
SYARIKAT-SYARIKAT DORMAN				
Dumpu Limited	Pemegang hartanah	Papua New Guinea	27.10	27.19
EPA Futures Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.34	55.53
KCW Roadworks Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	41.51	41.65
Skellerup Foam Products (Malaysia) Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.34	55.53
Skellerup Industries (Malaysia) Sdn Bhd	Syarikat induk dan pengilangan produk getah	Malaysia	55.34	55.53
Skellerup Latex Products (M) Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.34	55.53
QSR Brands Bhd	Pegangan pelaburan & perkhidmatan pengurusan	Malaysia	55.34	31.86
QSR Ventures Sdn Bhd	Pegangan pelaburan	Malaysia	55.34	31.86
Exquisite Livestock Sdn Bhd	Penternakan lembu komersial	Malaysia	55.34	55.53
B HARTANAH				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF				
Advance Development Sdn Bhd	Pemaju hartanah	Malaysia	100.00	100.00
Damansara Realty Berhad #	Pemegang pelaburan, pembinaan dan pengurusan projek	Malaysia	60.40	60.08
Damansara Realty (Johor) Sdn Bhd	Pemaju hartanah	Malaysia	60.40	60.08

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

(SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			2013 %	2012 %
1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)				
B HARTANAH (SAMBUNGAN)				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)				
